



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 4457]

USUL-USUL:

Menggantungkan Peraturan Mesyuarat 48 [Ruangan 4457]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 4503]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Darurat (Kuat-kuasa Perlu), 1979 [Ruangan 4464]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- .. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- .. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**
- .. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- .. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- .. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- .. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- .. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- .. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- .. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- .. Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam,
DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 17hb Januari, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
DARURAT (KUASA-KUASA PERLU) 1979**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta di bawah Fasal (5) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan bagi mengkanunkan Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat, 1969 sebagai suatu Akta Parlimen, dan bagi membuat peruntukan untuk mengesahkan semua perundangan kecil yang dibuat atau berupa sebagai telah dibuat di bawah Ordinan tersebut pada atau selepas 20hb Februari, 1971, dan untuk mengesahkan semua perbuatan dan perkara yang dilakukan di bawah Ordinan tersebut atau di bawah mana-mana perundangan kecil yang dibuat atau berupa sebagai telah dibuat di bawahnya, dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua dan ketiga di semua peringkat pada hari ini.

USUL

**MENGGANTUNGAN PERATURAN
MESYUARAT 48**

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua di bawah Peraturan Mesyuarat 90, Dewan dengan ini menggantungkan Peraturan Mesyuarat 48 sepanjang tempoh persidangan hari ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, soalan yang ada di hadapan kami hari ini, bolehkah kami membahaskan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kami ini?

Tuan Speaker, pada fikiran saya, kami tidak boleh membahaskan Rang Undang-undang ini oleh kerana ini ada berkaitan dengan Peraturan Majlis Mesyuarat 36 (2) oleh kerana perbahasan ini ada kaitan dengan kes Majlis Privy (Privy Council) yang baru-baru ini ada dihukum di London.

Tuan Speaker, dalam kes itu Majlis Privy ada buat perintah dan dalam perintah ini Majlis Privy ada mengatakan Mahkamah Persekutuan kena timbangkan kes ini sekali lagi. Oleh kerana itu, kami tidak boleh bincang (debate) Rang Undang-undang ini sampai Mahkamah Persekutuan sudah memberi keputusannya. Itu satu perkara.

Perkara yang lain, Tuan Speaker, dalam Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang kelmarin, kami ada file satu kes sivil. Kes sivil itu ada atas nama Tuan Speaker sendiri dan.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak ada terima.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker belum terima! Baru-baru ini saya ada jemput Tuan Speaker tetapi Tuan Speaker tidak mau terima saman itu. Itu tidak adil, tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua: Kerana Ahli Yang Berhormat beri di Bangunan ini, Rumah ini immune.

Tuan Karpal Singh: Itu betul, Tuan Speaker, saya tahu Rumah ini immune. Tetapi Tuan Speaker boleh waive immunity itu, oleh kerana.....

Tuan Yang di-Pertua: Kalau waive immunity itu, kalau Ahli Yang Berhormat hendak kena tangkap, saya boleh lepaskan immunity itu supaya boleh ditangkap dalam Bangunan ini?

Tuan Karpal Singh: Jikalau adil, boleh, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, malang, malam tadi kerana saya pun ada pergi ke rumah Tuan Speaker, tetapi Tuan Speaker sedang tidur pada masa itu (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Pukul berapa datang?

Tuan Karpal Singh: Saya ingat lebih kurang 12.00 tengah malam, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau pukul 12.00 tengah malam, saya sudah tidur. (*Ketawa*) Saya tak tengok "Kojak".

Tuan Karpal Singh: Anak Tuan Speaker ada beritahu kepada kerani saya yang beliau boleh hadir pada pukul 6.00 dan boleh serahkan saman itu kepada Tuan Speaker. Tetapi Tuan Speaker barangkali sudah beri arahan kepada Guard, jangan beri orang masuk dalam rumah Tuan Speaker dan orang-orang yang ada di sana ada bercakap kepada kerani saya, jikalau mahu serahkan saman ini, serahkan di Bangunan Parlimen. Oleh kerana itu, tadi saya ada buat jemputan dengan Tuan Speaker dan Tuan Speaker mahukan 'immunity'. Ini semua karut, tidak betul.

Tuan Speaker, kes ini ada.....

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan "karut" tarik balik. Saya membuat ruling: bangunan ini immune, maknanya Ahli-ahli Yang Berhormat semua immune, boleh bercakap di sini; yang "libellous" di luar, tidak "libellous" di sini.

Tuan Karpal Singh: Itu betul.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi perkataan "karut" tarik balik. Itu perkataan yang digunakan terhadap saya.

Tuan Karpal Singh: Baik, Tuan Speaker, saya tarik balik, tetapi apa yang Tuan Speaker buat itu tidak adil, tidak baik.

Oleh kerana ini perintah mahkamah, perkara ini ada dalam mahkamah pukul 9.30 pagi esok, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sudah habis?

Tuan Karpal Singh: Belum lagi, Tuan Speaker, tentu saya ada masa. Ini ucapan pertama saya dalam Dewan ini, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Ini belum bahas lagi. Saya bertanya point of order tadi apa? Itu sahaja.

Tuan Karpal Singh: Ini point of order, Tuan Speaker. Pertama ini perkara *sub judice* oleh kerana kes Majlis Privy ini belum diselesaikan.

Lagi satu, Tuan Speaker, esok ada kes di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dan dalam kes itu Tuan Speaker ada jadi satu defendant.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak tahu lagi.

Tuan Karpal Singh: Boleh tahu, saya ada saman itu di sini. Jikalau Tuan Speaker mahu saman itu, sekarang saya boleh serah kepada Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa.

Tuan Karpal Singh: Tetapi ada kes dalam Mahkamah Tinggi Pulau Pinang untuk mendapat satu perintah: batal atau tangguh sidang khas ini sampai perkara dalam Mahkamah Tinggi itu sudah selesai. Oleh kerana itu, hari ini kami tidak boleh membahs Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, duduk!

Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat itu, kalau tidak salah saya di bawah Standing Orders 36 (2) yang berbunyi:

"36 (2) Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekira-kira pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu."

Dalam Rang Undang-undang ini ada fasal yang membenarkan memberi kuasa kepada Mahkamah Persekutuan menimbangkan mana-mana kes bukan satu kes sahaja Yang Berhormat sebutkan ini, tetapi kes-kes yang lain juga nampaknya ada dalam ini mengikut

apa yang saya baca dan ini mengikut timbangan Pengerusi sama ada merosakkan kepentingan atau tidak. Jadi, sebelum saya hendak beri keputusan, saya suka juga meminta pendapat Yang Berhormat Menteri Undang-undang, tetapi sebelum daripada itu, suka saya menyatakan, pukul 12.00 malam, datang ke rumah saya, itu mengganggu masa saya (*Ketawa*). Itu bukan satu perkara yang dikatakan tidak timbang rasa, sebenarnya saya bertimbang rasa dan saya tidak dapat berhubung dengan siapa-siapa, saya hanya dapat tahu pagi tadi sahaja, anak saya yang bercakap itu dia bangun lebih lambat dari saya. Jadi, dia yang memberitahu mengatakan ada dua orang datang, seorang daripadanya dia kenal Mr. Patto, yang dia kenal yang datang itu dan seorang lagi dia tidak kenal. Dia kata, oleh kerana saya sudah tidur, kalau hendak jumpa besoklah, itu kata dia. Itupun saya sudah dapat tahu pagi tadi.

Setelah pukul 7.00 pagi datang lagi tiga orang, saya pun tidak tahu, saya tidak ada beri arahan kepada siapa-siapa. Saya tahu cerita ini masa minum air pagi sebelum datang ke Parlimen ini. Kemudian tadi pada pukul 2.20 petang datang Ahli Yang Berhormat dari Jelutong hendak "serve", serve apa? Beliau hendak serve bagaimana.

Bangunan ini immune, namun beliau kata saya boleh lepaskan immunity itu. Jadi saya kata tidak bolehkah satu pihak double standard, bila hendak arahan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat: ada immune, bila hendak beri serve, itu tidak immune. Itu tidak boleh. Sebab itu saya kata perkataan "karut" itu tarik balik, jangan gunakan lagi terhadap saya.

Sebelum saya hendak memberikan ruling, saya suka Yang Berhormat Menteri Undang-undang memberi pendapatnya.

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya menerima kasih kerana diberi kesempatan menjawab hujah-hujah yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tadi.

Suka saya menyatakan alasan bahawa Bil ini tidak boleh dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh kerana *sub judice* tidaklah kena pada tempatnya kerana saya berpendapat tidak ada tujuan kita membentangkan Bil ini

untuk mengkaji dengan mendalamnya merit kes yang akan dibawa sekali lagi ke Mahkamah Persekutuan untuk dikaji sama-ada perbicaraan semula akan diadakan, malah sebagaimana yang kita boleh dengar daripada kenyataan yang saya akan laporkan, kita telah memutuskan bahawa bukan sahaja kes tempoh ini dibawa kepada Mahkamah Persekutuan dikaji semula, bahkan kes-kes yang lain yang kenyataannya adalah sama dengan kes ini juga kita beri peruntukan dalam Bil ini dalam mana kes-kes ini juga dibawa untuk ditimbang semula oleh Mahkamah Persekutuan. Jadi, alasan ini tidak langsung munasabah.

Tentang adanya kenyataan daripada Ahli Yang Berhormat bahawa satu kes akan wujud pada besok pagi untuk mengarahkan Tuan Speaker dan juga Yang di-Pertua Dewan Negara supaya tidak mengadakan sidang Parlimen, saya berasa sungguh hairan, kerana apa, Ahli Yang Berhormat bukan sahaja sebagai seorang lawyer bahkan juga sebagai Ahli Yang Berhormat di sini dapat menggerakkan satu badan di luar supaya memberhentikan sidang Dewan Rakyat ini. Saya percaya Ahli Yang Berhormat maklum bahawa Dewan Rakyat Parlimen adalah satu badan perundangan yang teragung (supreme legislative body) yang tidak boleh diarah oleh mana-mana pihak untuk menjalankan persidangan. Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat ada perkara-perkara yang tidak puas hati boleh bawa sebagaimana dibawa tadi mengatakan ini *sub judice*, tidak boleh dibincangkan, kita dibincangkan perkara itu di sini. Tetapi bagi Ahli Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan Rakyat membawa satu perkara ini kepada badan yang lain supaya memberhentikan Parlimen bersidang, rasa saya satu perkara yang tidak pernah dilakukan di mana-mana negeri lain yang ada Kerajaan Berparlimen seperti kita ini. Saya berpendapat terserah kepada Tuan Yang di-Pertua, mungkin Tuan Yang di-Pertua memikirkan perlu diserahkan perkara ini kepada Privilege Committee untuk menimbangkannya samada patut diambil tindakan yang berpatutan atau tidak (*Tepuk*).

Kalau saya pun tengah malam pukul 12.00 maklumlah, itulah masanya saya rihat, masa saya dapat bermain dengan anak-anak, dengan orang yang saya sayang (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Takkan pukul 12.00 tengah malam hendak main dengan anak-anak (*Ketawa*).

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Dengan anak-anak, dengan yang lain juga, jadi ini satu gangguan yang rasa saya tidak patut dibiarkan. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya memberi ruling ini kerana diminta di bawah Peraturan Mesyuarat 37 (a) iaitu perkara tertib mesyuarat. Saya telah jelaskan tadi pada asalnya bila Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mengemukakan perkara ini, pendapat saya iaitu di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (2), jika pada pendapat Pengerusi boleh merosakkan kepentingan pihak yang berbicara itu dan keterangan ini juga pada mahkamah ada perintah. Mahkamah belum ada perintah apa-apa. Yang setahu saya belum ada apa-apa, saya tidak tahu pun mahkamah hendak bersidang, mahkamah hendak menimbang perkara ini, tidak ada, dan mengikut fahaman saya setelah membaca Rang Undang-undang ini perkara ini memang sebagaimana yang saya sebut pada awal dan disebut juga oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang, diberi kuasa itu semula kepada Mahkamah Persekutuan untuk menimbang bukan sahaja kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, tetapi juga kes-kes yang lain. Dengan sebab itu saya putus perkara ini boleh dibahaskan kepada seluruh bacaan kali pertama, kedua dan ketiga dengan syarat diluluskan Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang tadi iaitu menggantung Peraturan Mesyuarat 48 dengan kuasa yang diberi di bawah Peraturan Mesyuarat 90 jika dipersetujui oleh Yang di-Pertua dan saya setuju.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 90, Dewan dengan ini menggantung Peraturan Mesyuarat 48 sepanjang tempoh persidangan hari ini.

RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG DARURAT (KUASA-KUASA PERLU) 1979

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.50 ptg.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Tuan Yang di-Pertua maklum semangat nasionalisma mula bergolak di Benua Asia dengan tamatnya Peperangan Dunia Kedua dan ianya kian memuncak dari setahun ke setahun. Tetapi berakhirnya peperangan itu membawa bersama-sama suatu penyakit yang mengancam mereka yang cintakan kebebasan dan ia menjadi duri di dalam daging terhadap demokrasi. Penyakit itu ialah fahaman komunisma militant. Fahaman komunisma militant dalam bentuk keganasan mula mengancam negara kita ini semenjak dari tahun 1948. Dengan adanya ancaman ini suatu keadaan darurat telah diisytiharkan. Maka tidaklah dapat kita lupa betapa banyaknya nyawa terkorban dan harta-benda musnah dengan sia-sia akibat dari serangan-serangan ganas ini, iaitu yang mereka lakukan bukan sahaja terhadap pasukan keselamatan tetapi juga terhadap orang awam. Penganiayaan, pembunuhan serta pemusnahan harta-benda secara melulu yang menimpa negara ini masih belum luput daripada ingatan kita semua. Pasukan keselamatan telah berkhidmat dengan cemerlang dalam melaksanakan tugas-tugas mereka dan dengan itu pertembungan dengan pengganas komunis dapat dicegah dari menjadi berluas-luasan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 31hb Ogos, 1957 dengan berakhirnya pemerintahan British, maka berlakulah seperti kata penyair John Milton, perubahan dari order lama kepada order baru. Semenanjung Malaysia, ataupun pada masa itu dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu, menjadi sebuah negara merdeka. Pentadbiran negara terletak pada Kerajaan demokrasi iaitu suatu Kerajaan mengikut Abraham Lincoln, "a democratic government, a government of the people, by the people, for the people". Kalaulah benar sumpah perjuangan pengganas-pengganas komunis sebagaimana yang diikrarkannya ialah untuk menghapuskan kolonialis British, maka

dengan tercapainya kemerdekaan hapuslah asas matlamat perjuangan bersenjata mereka. Sepatutnya masa itulah mereka kembali ke pangkuan masyarakat dengan jujur tanpa rasa dendam atau prasangka. Tetapi soalnya adakah ini yang mereka lakukan? Apa yang mereka lakukan adalah sebaliknya. Mereka meneruskan kegiatan-kegiatan subversif dan militan dengan lebih intensif lagi dan seterusnya mencerca Kerajaan yang dipilih oleh rakyat sebagai boneka imperialis. Sungguhpun negara kita telah merdeka keadaan darurat yang diisytiharkan dalam tahun 1948 itu terus-menerus berlaku. Sebagai negara yang merdeka, rakyat ingin hidup dan telah memilih cara hidup yang bebas, aman dan harmoni tanpa diganggu oleh mana-mana pihak; tetapi jika kehidupan rakyat sedang terancam bolehkah kita katakan bahawa rakyat hidup di dalam suasana aman atau dalam keadaan darurat? Bolehkah kita mengatakan bahawa keadaan darurat telah berakhir pada hal ancaman anasir-anasir subversif dan anti-nasional terhadap kedamaian dan keselamatan terus berlaku umpama sebilah pedang yang sentiasa sedia menikam negara ini dan langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan pedang itu daripada memusnahkan negara ini ialah keadaan darurat itu.

Pengganas-pengganas komunis, Tuan Yang di-Pertua, menggunakan dua cara untuk melancarkan gerakan mereka iaitu dengan jalan pencerobohan secara bersenjata dan kegiatan-kegiatan subversif bawah tanah. Dengan yang demikian keredaan pertempuran di hutan tidaklah menandakan berakhirnya ancaman mereka. Kegiatan-kegiatan subversif dan anti-nasional yang dijalankan di kawasan luar bandar dan bandar telah diperhebatkan lagi untuk menyemai rasa benci terhadap Kerajaan yang dipilih mengikut Perlembagaan itu. Kegiatan-kegiatan subversif bawah tanah pengganas-pengganas itu telah dijalankan serentak dan menjadi sebahagian penting kepada kegiatan-kegiatan militan mereka di dalam usaha untuk meluaskan dan mengukuhkan lagi pengkalan-pengkalan mereka di negara ini.

Pada awal tahun sembilan belas enam-puluhan keganasan secara subversif bawah tanah telah berleluasan benar sehingga Kerajaan mengalami beberapa kesukaran untuk mengatasi keadaan itu. Pada tahun

1964 keuntuhan negara dan kehidupan rakyat telah sekali lagi terancam—iaitu permulaan konfrantasi rejim Sukarno terhadap penubuhan Malaysia. Keadaan darurat yang sentiasa dihadapi oleh negara telah menjadi bertambah buruk dengan tercetusnya konfrantasi itu. Pengganas-pengganas komunis serta anasir-anasir subversif dan anti-national di Malaysia sentiasa sedia untuk mengambil kesempatan dari keadaan buruk itu. Alhamdulillah dengan berkat ketegasan dan tindakan positif Kerajaan kita maka Malaysia telah terselamat daripada penderitaan yang lebih buruk daripada yang pernah dialami.

Tuan Yang di-Pertua, Mei 1969 adalah titik sejarah yang menentukan hidup matinya negara kita. Mulai dari ketika itu Malaysia dan rakyatnya telah menghadapi dan terpaksa menyelesaikan masalah-masalah dalam negeri yang sangat berat yang mengakibatkan ancaman yang lebih serius terhadap ketenteraman dan keselamatan awam dan jika keadaan tidak diatasi dengan segera ianya boleh memusnahkan sama sekali asas yang telah dibina untuk kemerdekaan dan kedaulatan negara dan struktur masyarakat kita. Rusuhan kaum telah meletus pada 13hb. Mei, 1969. Kejadian seumpama ini belum pernah dialami di dalam sejarah negara kita dan terlebih-lebih lagi merupakan suatu ancaman besar terhadap keselamatan dan ekonomi negara kita dan terhadap perpaduan rakyatnya. Sesungguhnya kestabilan politik negara ini adalah bergantung banyak kepada keselamatan dan ekonomi negara dan perpaduan rakyatnya. Kemungkinan anasir-anasir subversif dan anti-nasional menanggung di air keruh untuk mencapai tujuan mereka hampir-hampir menjadi kenyataan kepada kita. Tidak ada sesiapa di antara kita pada masa itu yang boleh menafikan bahawa keadaan darurat telah menjadi begitu buruk hingga hampir-hampir menimbulkan pemberontakan. Kerajaan terpaksa mengambil tindakan serta merta untuk menjamin supaya keselamatan dan perjalanan ekonomi negara tidak termusnah.

Pada 15hb Mei, 1969, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah mengisytiharkan satu lagi darurat di bawah Perkara 150 Perlembagaan dan serentak dengan itu di bawah Fasal 2 Perkara tersebut Baginda telah mengisytiharkan Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1969

yang memberi Baginda kuasa luas untuk menjamin keselamatan awam, pertahanan Malaysia, penyenggaraan ketenteraman awam dan bekalan serta perkhidmatan perlu untuk kehidupan masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, Parlimen telah dibubarkan sebelum pilihanraya yang bermula pada 10hb Mei, 1969. Yang di-Pertuan Agong juga menangguhkan pilihanraya bagi Dewan Rakyat dan bagi semua Dewan Negeri yang belum selesai. Dengan itu Parlimen terbubar hingga ia bersidang semula pada 20hb Februari, 1971. Awal tahun sembilan belas tujuh puluhan ini pembunuhan, pencolekan, rompakan, penggunaan senjata api dan kesalahan-kesalahan jenayah yang serius telah mula membimbangkan kita.

Tatkala melakukan kegiatan-kegiatan kejamnya anasir-anasir jenayah itu melaksanakan sebagaimana kita maklum dengan cara yang lebih sofistikated lagi; mereka merompak bank dan melakukan lain-lain jenayah nekad dan ini mengakibatkan terkorbannya nyawa dan musnahnya harta-benda rakyat yang banyak. Keselamatan rakyat dan harta-benda mereka tergugat dan sesebuah Kerajaan yang tidak mengambil atau cuai untuk mengambil apa-apa jua langkah perlu untuk menjamin keselamatan dan melindungi harta-benda rakyat tentulah tidak boleh mendapat keyakinan dan kepercayaan orang ramai. Di samping bertanggungjawab atas nyawa dan keselamatan rakyat dan harta-benda mereka, Kerajaan adalah juga bertanggungjawab untuk menjamin supaya mereka yang datang melabur di negara ini boleh tinggal dan bekerja di sini tanpa perasaan takut atau bimbang atas nyawa dan harta-benda mereka. Pelaburan asing adalah perlu untuk mempergiatkan pertumbuhan ekonomi supaya taraf hidup rakyat kita dapat dipertingkatkan lagi dan jika sekiranya Kerajaan tidak dapat mengambil langkah-langkah yang cukup berkesan untuk menjamin keselamatan dan perjalanan ekonomi negara maka sudah tentulah ini akan merugikan rakyat.

Masih jelas dalam ingatan kita peristiwa yang menyayat hati iaitu peristiwa-peristiwa mendapat berbagai ulasan akhbar dalam dan luar negeri. Sesungguhnya kita berasa kesal bila kita terpaksa mengingatkan semula tentang perbuatan yang sangat kejam itu.

Serangan ke atas Balai Polis Beranang dalam bulan Disember, 1978 di mana seorang anggota polis telah dcederakan dengan parah dan 15 laras senjata api dirampas adalah dilakukan oleh penyerang-penyerang yang dipercayai terdiri dari anasir-anasir bawah tanah yang diarahkan untuk menambah bekalan senjata api dan peluru kepada penganas-penganas komunis itu. Pembunuhan kejam seorang anggota polis dan kecederaan kepada seorang anggota polis lain di Seremban dalam bulan Februari 1978 merupakan satu lagi kekejaman anasir-anasir bawah tanah yang bertujuan menimbulkan ketakutan dalam hati rakyat dan menjadi bukti nyata bahawa mereka terus-menerus berusaha untuk melemahkan semangat anggota-anggota pasukan keselamatan. Di tengah-tengah ibu kota Persekutuan Ketua Polis Negara telah dengan kejamnya dibunuh dan di Ipoh pula Ketua Pegawai Polis Negeri Perak dan pemandunya telah ditembak mati dalam perjalanan balik ke rumah dari pejabat. Sungguhpun pembunuhan kejam ini dijalankan oleh anasir-anasir subversif bawah tanah, pada hakikatnya ia telah dilakukan bersama-sama dengan rakan-rakan seperjuangan mereka yang bersembunyi di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, perisytiharan Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1969 hendaklah dikaji dari sudut latar-belakang ini dan berdasarkan kepada faktor-faktor tersebut. Seksyen 2 Ordinan tersebut mengandungi peruntukan-peruntukan yang memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk membuat Peraturan-peraturan Perlu yang pada pendapatnya adalah perlu atau bermanfaat bagi menjamin keselamatan awam, pertahanan Malaysia, pengkalan ketenteraman awam dan perbekalan dan perkhidmatan yang perlu bagi kehidupan rakyat. Selepas perisytiharan Ordinan itu, berbagai-bagai Peraturan pula yang mempunyai kuatkuasa undang-undang telah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong. Di antara Peraturan-peraturan ini ialah Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975. Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 dianggap perlu memandangkan kepada ancaman besar yang ditimbulkan oleh anasir-anasir subversif dan anti-nasional terhadap keselamatan dan ketenteraman negara. Kerajaan juga terpaksa

menggiatkan gerakan terhadap pengganas-pengganas militan dan juga pengganas-pengganas bawah tanah yang telah bertambah berani dalam kegiatan-kegiatan mereka, disebabkan oleh kejayaan-kejayaan rakan-rakan seperjuangan mereka di negara-negara jiran. Traktor-tractor yang bernilai berjuta-juta ringgit telah dimusnahkan di lebuhraya Timur-Barat; balai-balai polis yang terencil, pondok-pondok polis dan sekatan jalanraya yang diadakan oleh polis telah diserang atau disabotaj. Markas Briged Tengah Pasukan Polis Hutan di Jalan Pekeliling di Ibu Kota Persekutuan telah diserang apabila empat butir bom tangan dilemparkan ke dalam kawasan markas itu, menyebabkan kecederaan kepada seramai lima puluh satu orang pegawai dan membunuh seorang yang lain. Pengkalan Tentera Udara di-Raja Malaysia dan Tugu Peringatan pun telah menjadi sasaran serangan melulu pengganas-pengganas itu. Anggota-anggota pasukan keselamatan, terutama sekali Pasukan Polis Di Raja Malaysia, telah menjadi sasaran pembunuhan dan percubaan membunuh oleh anasir-anasir subversif dan anti-nasional ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah di antara sebab-sebab mengapa Yang di-Pertua Agong terpaksa mengadakan dalam Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 suatu acara khas yang boleh digunakan untuk membicarakan kes-kes di bawah Peraturan-peraturan ini. Dalam pembicaraan-pembicaraan ini tidak ada lagi penyiasatan awal di hadapan seorang Majistret dan yang dituduh tidak juga dibicarakan oleh seorang hakim dengan dibantu oleh para juri di Semenanjung Malaysia atau oleh seorang hakim dengan dibantu oleh pengapit hakim di Sabah dan Sarawak, tetapi adalah dibicarakan oleh seorang hakim sahaja. Ada kemungkinannya jika sekiranya yang dituduh itu dibicarakan oleh seorang hakim dengan dibantu oleh para juri atau pengapit hakim, para juri atau pengapit hakim itu mungkin mengalami perasaan takut diugut terutama sekali jika yang dituduh itu seorang anasir subversif atau penjenayah kejam. Kebimbangan ini tidaklah timbul sekiranya yang dituduh itu dibicarakan oleh hanya seorang hakim sahaja. Sejak kebelakangan ini pembicaraan di hadapan para juri telah diragukan oleh beberapa pihak kerana sering

berlaku di mana keputusan-keputusan yang dibuat oleh para juri tidak seimbang dengan bukti-bukti yang dikemukakan. Keadaan ini semakin meruncing terutama sekali bila para juri atau pengapit hakim adalah terdedah kepada kemungkinan diugut atau sekurang-kurangnya perasaan takutkan pengganas-pengganas subversif dan anasir-anasir jenayah kerana orang-orang salah itu adalah dari golongan anasir-anasir tersebut. Kes-kes keselamatan juga boleh dibicarakan dengan lebih cekap jika dijalankan di hadapan seorang hakim sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, peraturan-peraturan ini juga membuat peruntukan khas supaya seseorang saksi pendakwa yang takut dirinya dikenali boleh memberi keterangan mengikut suatu cara tertentu sehingga dirinya tidak dapat dicam. Saya tahu peruntukan-peruntukan ini mendapat tentangan hebat dari beberapa orang ahli Majlis Peguam; tetapi peruntukan ini terpaksa diadakan dalam undang-undang demi menjaga keselamatan saksi-saksi yang sanggup tampil ke hadapan untuk memberi keterangan dalam pembicaraan-pembicaraan yang dijalankan di bawah Peraturan-peraturan tersebut. Walaupun Peraturan-peraturan itu mengandungi peruntukan-peruntukan khas bagi mengelakkan seseorang saksi daripada dikenali oleh seseorang dituduh dan juga mengandungi peruntukan-peruntukan bagi mendapatkan keterangan dengan cara tertentu, tetapi Tuan Yang di-Pertua saya suka memaklumkan kepada Dewan ini bahawa belum sekalipun peruntukan-peruntukan sedemikian dipakai dalam mana-mana pembicaraan yang telah kita adakan. Peruntukan-peruntukan sedemikian hanya akan dipakai jika didapati benar-benar perlu. Bukankah semua ini menunjukkan betapa jujurnya pihak kerajaan?

Dengan ringkasnya, kita memerlukan Peraturan-peraturan dengan acara-acara khasnya ini bukan sahaja demi menghalang anasir-anasir subversif dan anti-national daripada terus-menerus melakukan perbuatan-perbuatan khianat tetapi juga demi memudahkan tugas mahkamah membicarakan mereka dengan cara yang lebih cekap lagi dan memastikan bahawa yang bersalah mesti dihukum.

Bagi pihak Kerajaan, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa selepas Peraturan-peraturan ini dikuatkuasakan dan oleh kerana tindakan-tindakan yang cekap dan tegas terutamanya oleh bilangan kesalahan-kesalahan serius yang melibatkan Pasukan Polis Di Raja Malaysia kita penggunaan senjata telah banyak berkurangan.

Bagi Semenanjung Malaysia dalam tahun 1970 hingga 1978 perangkaan mengenai rompakan yang dilakukan oleh kumpulan perompak dan rompakan-rompakan lain di mana senjata digunakan adalah seperti berikut:

1970	—	158 kes
1971	—	131 kes
1972	—	209 kes
1973	—	290 kes
1974	—	455 kes
1975	—	710 kes
1976	—	809 kes
1977	—	353 kes
1978	—	443 kes

Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) (Pindaan) 1975 mula berkuatkuasa pada 5hb November 1975. Akan tetapi Peraturan-peraturan ini hanya diketahui ramai apabila pembicaraan dijalankan di bawahnya dan kesannya hanya diketahui dalam tahun 1977 apabila bilangan kes rompakan yang melibatkan senjata menurun daripada 710 dalam tahun 1975 dan 809 dalam tahun 1976 menjadi 353 dalam tahun 1977 dan 443 dalam tahun 1978. Kes-kes yang melibatkan pemilikan senjata secara haram telah memuncak bilangannya hingga 176 dalam tahun 1976 tetapi selepas itu menurun menjadi 110 dalam tahun 1977 dan sehingga bulan Disember 1978 menjadi hanya 72 di Semenanjung Malaysia. Sekali lagi angka-angka ini membuktikan betapa perlunya dan berkesannya Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 untuk melumpuhkan kegiatan anasir-anasir subversif dan anti-national itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana keadaan darurat telah berterusan semenjak 1969 maka semenjak itu Yang di-Pertuan Agong telah membuat beberapa Peraturan Perlu di bawah Ordinan (Kuasa-kuasa perlu) Darurat 1969,

yang terus berkuatkuasa di bawah Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan. Peraturan-peraturan yang lain yang telah dibuat seperti Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 adalah didapati perlu sebagaimana saya katakan tadi memastikan ada Peraturan-peraturan yang mempunyai kuasa undang-undang untuk memperteguhkan usaha kita yang tidak putus-putus untuk mengekalkan ketenteraman dan keselamatan awam di negara ini.

Oleh kerana perpaduan negara penting bagi kestabilan politik dan ekonomi negara kita adakan pula Peraturan-peraturan Perlu (Majlis Perpaduan Negara) 1971 yang juga dibuat di bawah Ordinan itu. Bagi memudahkan tugas kita mengesan anasir-anasir subversif dan anti-national yang berada di rumah-rumah dalam kawasan bandar maka Perintah Perlu (Pendaftaran Penghuni) (Pemakaian) 1974 juga telah dibuat. Di samping itu Peraturan-peraturan Perlu (Kawalan Bekalan Beras) 1974 telah dibuat untuk memastikan pembekalan beras berjalan dengan licin tanpa gangguan. Ini adalah kerana beras merupakan makanan utama rakyat.

Dalam tahun 1975, Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 telah dibuat untuk memberi kuasa bagi menubuhkan Unit-unit Rukun Tetangga. Rancangan Rukun Tetangga dilaksanakan supaya orang ramai boleh melibatkan diri mereka dalam kerja-kerja gotong-royong, menjaga keselamatan kawasan tempat tinggal mereka dan menanam kesedaran dalam jiwa mereka tentang perlunya mengawasi ancaman dari anasir-anasir subversif dan anti-national. Jadi implikasi keputusan Privy Council itu kalau tidak kita baiki akan juga melibatkan Peraturan-peraturan Perlu yang saya telah bacakan tadi.

Dengan adanya Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 dan Peraturan-peraturan Perlu lain yang saya sebutkan tadi maka kita dapat terus mengekalkan ketenteraman dan keselamatan awam. Tanpa Peraturan-peraturan ini dan kegigihan anggota pasukan keselamatan maka sudah tentulah rakyat yang patuh kepada undang-undang dalam negara ini dan mereka yang

membuat keputusan untuk melabur di sini akan merasa bimbang. Ada orang mungkin mendakwa bahawa segala-galanya adalah aman dan tenteram—seolah-olah keadaan darurat tidak wujud lagi; maka dengan itu tidak perlu lagi kata mereka Perisytiharan Darurat atau Perisytiharan Kawasan Keselamatan diadakan itu. Pada zahirnya memanglah keadaan negara adalah aman dan tenteram tetapi ini tidak bererti keadaan darurat tidak wujud lagi. Keadaan dapat dikawal oleh sebab usaha Kerajaan dan pasukan keselamatan sehingga keadaan darurat dapat dibendung. Kita harus sedar bahawa masih ada musuh dalam selimut dan gunting dalam lipatan dan keadaan negara kita sekarang adalah tak ubah seperti api dalam sekam. Pegganas-peggnas komunis masih bergerak di dalam hutan terutamanya di kawasan-kawasan sempadan, dengan azam membangunkan semula pengkalan-pengkalan mereka yang telah ditinggalkan dulu dan menambah bekalan makanan mereka di kawasan-kawasan ini. Kita tahu bahawa anggota-anggota gerakan bawah tanah peggnas komunis itu berada di bandar-bandar dan di kampung-kampung baru dan mereka sentiasa sedia menunggu kesempatan untuk bertindak apabila sahaja kita lalai dan tidak tegas dalam melaksanakan undang-undang yang setakat ini telah mendatangkan kesan dalam melumpuhkan kegiatan-kegiatan mereka itu. Di samping itu kita hendaklah sentiasa berhati-hati terhadap perbuatan orang-orang yang sanggup melihat perpecahan kaum di negara ini demi kepentingan politik mereka sendiri.

Perisytiharan Darurat, 1969 telah terpaksa diteruskan dan akan diteruskan kerana kita tidak dapat menafikan darurat besar telah wujud dan masih wujud yang mengancam dan terus mengancam keselamatan dan ekonomi negara. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengemukakan perangkaan-perangkaan bagi menyokong apa yang saya katakan tadi. Bukanlah tujuan saya mengemukakan angka-angka ini sebagai halwa telinga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini tetapi untuk menekankan betapa seriusnya darurat yang sedang kita hadapi sekarang bagi menentang peggnas-peggnas komunis dan gerakan subversif bawah-tanah peggnas-peggnas komunis itu.

Dari 15hb Mei, 1969 hingga 4hb November, 1975 (iaitu dari masa perisytiharan Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1969 hingga ke hari sebelum sahaja mula berkuat-kuasanya Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) (Pindaan) 1975) disebut sebagai tempoh pertama dan dari 5hb November 1975 hingga 31hb Disember, 1978 yang disebut tempoh kedua, angka-angka kemalangan dan lain-lain angka adalah seperti di bawah ini, perlulah diingatkan bahawa tempoh pertama meliputi jangka masa lebih daripada enam tahun manakala tempoh yang kedua hanya meliputi jangka masa lebih sedikit daripada tiga tahun:

Kemalangan di pihak pasukan Keselamatan

Tempoh Pertama ..	208 terbunuh, 556 cedera
Tempoh Kedua ..	187 terbunuh, 363 cedera

Kemalangan di pihak orang awam

Tempoh pertama ..	120 terbunuh, 24 cedera
Tempoh kedua ..	48 terbunuh, 54 cedera

Kemalangan di pihak peggnas komunis di bawah tanah

Tempoh pertama ..	466 terbunuh, 5,645 tertawan atau ditangkap, 885 menyerah diri (termasuk 628 "returnees" semasa operasi Sri Aman di Sarawak).
Tempoh kedua ..	99 terbunuh, 2,848 tertawan atau ditangkap, 45 menyerah diri.

Peristiwa (Incidents)

Tempoh pertama ..	379 pertembungan, 771 serang hendap, penembakan, jerangkapsamar dan pengibar bendera.
Tempoh kedua ..	114 pertembungan, 404 serang hendap, penembakan, jerangkapsamar dan pengibar bendera.

Ternampaknya peggnas komunis dan terjumpanya kemah-kemah peggnas komunis, tempat berehat dan tempat menyimpan makanan

Tempoh pertama ..	4,725 kelihatan, 366 kemah, 625 tempat berehat, 328 tempat menyimpan makanan.
Tempoh kedua ..	2,519 kelihatan, 195 kemah, 333 tempat berehat, 232 tempat menyimpan makanan.

Senjatapi, peluru dan letupan yang dirampas oleh pasukan keselamatan

Tempoh pertama ..	1,097 senjatapi, 35,750 peluru, 578 letupan.
Tempoh kedua ..	343 senjatapi, 23,053 peluru, 2,214 letupan.

Senjatapi, peluru, letupan dan alat yang hilang dari pasukan keselamatan

Tempoh pertama ..	153 senjatapi, 2,417 peluru, 17 letupan, 2 alat wireless.
Tempoh kedua ..	53 senjatapi, 1,445 peluru, 5 letupan, 2 alat wireless.

Tuan Yang di-Pertua, dari 15hb Mei, 1969 hingga 31hb Disember 1978 sejumlah 532 gerakan telah dilancarkan oleh pasukan

keselamatan kita terhadap penganas-penganas komunis dan anasir-anasir sub-versif dan anti-nasional. Penganas-penganas dan anasir-anasir itu telah menimbulkan suatu ancaman yang sangat besar serta berpanjangan kepada keselamatan dan ekonomi negara kita dan selagi mereka ini tidak dihapuskan, keadaan darurat akan pasti terus menerus berlaku. Sekiranya darurat tidak dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh atau keadaan darurat ditamatkan nescaya kita akan dituduh mengabaikan tanggungjawab kita sebagai wakil rakyat yang dipilih untuk menjaga keselamatan negara dan mengkhianati amanah yang diletakkan kepada kita oleh rakyat untuk melakukan sesuatu yang baik bagi faedah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kerana sebab-sebab inilah keputusan Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy di dalam kes Teh Cheng Poh lawan Pendakwa Raya, Malaysia baru-baru ini mempunyai implikasi-implikasi yang sangat luas. Dalam kes ini telah diputuskan bahawa Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 dan juga secara implikasi, semua Peraturan-peraturan lain yang saya sebutkan tadi yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya melalui Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1969 selepas persidangan Parlimen pada 20hb Februari, 1971 adalah melampaui had kuasa Perlembagaan dan dengan yang demikian adalah terbatal. Kuasa Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan Ordinan yang mempunyai kuasa undang-undang, pada pendapat Majlis Privy, hanyalah boleh dijalankan selepas suatu Perisytiharan Darurat tetapi sebelum kedua-dua Dewan Parlimen mula bersidang.

Tuan Yang di-Pertua, benarkanlah saya di sini membacakan Fasal yang berkenaan dalam Perlembagaan iaitu Fasal (2) Perkara 150 dalam mana disebutkan:

“Jika Perisytiharan Darurat dikeluarkan dalam masa Parlimen tidak bersidang maka Yang di-Pertuan Agong hendaklah memanggil Parlimen dengan seberapa segera yang boleh dan, sehingga kedua-dua Majlis Parlimen bersidang, Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan ordinan-ordinan yang mempunyai kuatkuasa undang-undang, jika berpuashati bahawa tindakan segera adalah dikehendaki.”

Majlis privy memutuskan bahawa selepas Parlimen mula bersidang pada 20hb Februari, 1971 setelah dibuat Perisytiharan Darurat, Yang di-Pertuan Agong tidak boleh lagi menjalankan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang bertulis walau apapun undang-undang itu dinamakan. Jika difikirkan perlu bahawa, walaupun Parlimen telah mula bersidang, Yang di-Pertuan Agong patut terus menjalankan mana-mana kuasa untuk membuat undang-undang bertulis di bawah Perkara 150 (2) Perlembagaan, maka kuasa sedemikian hanya boleh diperolehi dari suatu Akta Parlimen yang mewakili kuasa tersebut kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut fahaman saya maksud keputusan itu ialah, sungguhpun Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1969 adalah sah meskipun Parlimen telah mula bersidang, kuasa yang diberikan kepadanya untuk membuat Peraturan-peraturan Perlu di bawah Seksyen 2 Ordinan itu tidak boleh digunakan lagi selepas Parlimen mula bersidang pada bulan Februari, 1971.

Yang penting diingat ialah bahawa Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 telah diputuskan oleh Majlis Privy sebagai melampaui had kuasa Perlembagaan dan terbatal bukan kerana peraturan-peraturan itu mengandungi peruntukan yang menetapkan acara khas bagi pembicaraan kesalahan keselamatan yang berbeza daripada acara bagi pembicaraan kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum mati di bawah Kanun Acara Jenayah, tetapi adalah kerana Peraturan-peraturan itu dikatakan diperbuat oleh Yang di-Pertuan Agong pada suatu masa selepas Parlimen mula bersidang pada 20hb Februari, 1971 apabila kuasa untuk membuat Peraturan-peraturan itu telah termansuh.

Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 adalah perlu kerana terdapat golongan orang yang sanggup menggunakan senjata secara haram dan mereka ini dengan menggunakan tipu-daya bersungguh-sungguh untuk membuat huru-hara dan kacau-bilau di negara ini supaya akhirnya mereka berjaya di dalam rancangan mereka untuk merampas kuasa dari Kerajaan yang telah kita pilih secara demokrasi di negara ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya ingin menarik perhatian tuan-tuan kepada suatu aspek penting kes Teh Cheng Poh, dipertuduh di bawah seksyen 57 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang menetapkan bahawa memiliki senjata api atau peluru adalah kesalahan yang boleh dihukum mati. Pertuduhan ini mengikut keputusan Majlis Privy adalah sah. Ini adalah kerana Perisytiharan Kawasan Keselamatan belum dibatalkan dan masih berkuatkuasa pada tarikh yang berkenaan. Hanya aspek acara pembicaraan kes itu dijalankan sahaja yang tidak sah kerana Teh Cheng Poh telah dibicarakan menurut acara di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 dan bukan di bawah Kanun Acara Jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, pertuduhan yang dibuat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan dibicarakan mengikut acara yang diperuntukkan dalam Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 adalah tertentu bagi "kesalahan-kesalahan keselamatan". Apa yang dikatakan "kesalahan-kesalahan keselamatan" adalah ditakrifkan di bawah Peraturan-peraturan Perlu itu. Pendakwa Raya adalah diberi kuasa untuk menentukan siapakah yang patut dipertuduh sedemikian. Pada menjalankan kuasanya Pendakwa Raya tidak sekali-kali memberi apa-apa pertimbangan siapakah yang dituduh atau apakah keturunannya atau manakah negeri asalnya. Dari bilangan yang dipertuduh itu, 50 orang telah disabitkan kesalahan mereka dan dihukum mati; 37 telah merayu kepada Mahkamah Persekutuan dan masih menanti keputusan, 12 telah ditolak rayuannya oleh Mahkamah Persekutuan, 11 orang telah meminta pengampunan daripada Lembaga Pengampunan dan tiga daripada mereka telah berjaya mendapat hukuman mereka diringankan termasuk budak lelaki yang berumur 14 tahun yang telah diperintah supaya ditahan di Sekolah Henry Gurney. Dua orang daripada mereka yang ditolak rayuannya oleh Mahkamah Persekutuan telah merayu kepada Majlis Privy. Mereka ialah Teh Cheng Poh dan orang yang kita kenal sangat, Botak Chin. Dalam tahun 1976, Teh Cheng Poh, telah didapati memiliki senjata api dan peluru secara haram di Pulau Pinang iaitu satu kawasan keselamatan, dan telah dibicara, didapati salah dan dihukum mati di bawah

Akta Keselamatan Dalam Negeri (I.S.A.) oleh Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 17hb. November, 1976. Pada 26.3.77 rayuannya ke Mahkamah Persekutuan telah ditolak.

Pada 10.10.77 rayuannya ke Majlis Privy telah didengar. Majlis Privy telah juga memerintahkan supaya sabitan kesalahan dan hukuman itu dibatalkan, dan kes itu dirujukkan balik ke Mahkamah Persekutuan untuk menimbangkan samada dikeluarkan perintah untuk dibicarakan semula ataupun tidak. Kita masih menunggu lagi keputusan rayuan kes Botak Chin ke Majlis Privy. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Teh Cheng Poh dan Botak Chin telah dituduh kerana memiliki senjata api dan peluru secara haram. Tetapi ada perbezaannya di antara kedua-dua kes ini kerana Teh Cheng Poh telah meminta dibicarakan manakala Botak Chin telah mengaku salah pada masa ia dibicarakan.

Terdapat sembilan kes di mana orang yang dituduh tidak merayu ke Majlis Privy. Oleh sebab rayuan mereka ke Mahkamah Persekutuan dan rayuan mereka kepada Lembaga Pengampunan telah ditolak ini bermakna hukuman mati yang dijatuhkan ke atas mereka itu boleh dijalankan kerana hukuman tersebut belum dibatalkan oleh mana-mana mahkamah yang lebih tinggi daripada Mahkamah Persekutuan. Mungkin ada baiknya saya menegaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pertuduhan terhadap kesemua sembilan orang itu telah dibuktikan hingga tidak ada waswas yang menasabah lagi dan mereka telah didapati bersalah dengan dijatuhkan hukuman mati. Inilah keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan. Apa yang menjadi issue ialah cara perbicaraan dijalankan—satu kecacatan yang saya anggap sebagai teknikal sahaja.

Fasal 10 Rang Undang-undang Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 yang sedang dibentangkan dalam Dewan ini sekarang memberi kuasa kepada Pendakwa Raya atau orang-orang yang disabitkan kesalahannya supaya memohon dengan cara notis usul kepada Mahkamah Persekutuan untuk kes-kes itu dikaji semula. Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh Akta yang dicadangkan itu diterbitkan

dalam Warta atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah Persekutuan. Sudah tentulah Mahkamah Persekutuan berhak membuat apa sahaja perintah yang difikirkannya sesuai. Selepas menimbangankan sembilan kes ini dengan teliti Kerajaan adalah berpendapat bahawa oleh kerana mereka telah dibicarakan sebagaimana Teh Cheng Poh dibicarakan maka sudah seharusnya mereka pun patut diberi layanan yang sama, iaitu kes-kes ini patut dikaji semula oleh Mahkamah Persekutuan. Mengikut undang-undang yang berkuatkuasa sekarang, Mahkamah Persekutuan tidak ada bidangkuasa untuk mengkaji semula kes-kes itu. Sebab itulah maka perlu dimasukkan fasal 10 dalam Rang Undang-undang itu.

Sebagaimana telah diterangkan di atas tadi, ada 50 kes yang dibicarakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 atas pertuduhan kerana melakukan kesalahan-kesalahan keselamatan yang ditakrifkan di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975. Hukuman maksima bagi kes-kes tersebut adalah hukuman mati. Selain dari itu, terdapat juga sejumlah 1,490 kesalahan yang dilaporkan dan 930 orang telah ditangkap dari bulan Mei 1969 hingga bulan Disember, 1978. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan itu melibatkan pemilikan senjata api dan peluru secara haram, tetapi mereka telah dipertuduhkan di bawah Akta Senjata 1960, Akta Senjata (Penalti Lebih Berat) 1971 di Semenanjung Malaysia atau di bawah undang-undang bertulis yang bersamaan di Sabah dan Sarawak berhubung dengan senjata api dan peluru.

Di sini sekali lagi saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat tentang kesan keputusan Majlis Privy mengenai kes-kes ini. Majlis Privy telah memutuskan bahawa apabila sahaja sesuatu kawasan telah diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan dan bagi maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat seluruh Malaysia telah diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan—dan sekiranya Pendakwa Raya telah membuat pertuduhan terhadap seseorang kerana memiliki senjata api dan peluru secara haram dalam kawasan keselamatan itu maka orang yang dituduh itu tidak boleh dipertuduhkan di bawah mana-mana undang-undang yang lain melainkan di

bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Sungguhpun mereka telah dipertuduh kerana memiliki senjata api dan peluru secara haram dalam kawasan keselamatan tetapi kesemua 930 orang itu telah dipertuduh di bawah undang-undang yang lain daripada Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Sebilangan besar daripada mereka telah mengaku salah dan dihukum dengan sewajarnya oleh kerana hukuman yang boleh dijatuhkan bukanlah hukuman mati. Mereka yang dibicarakan dan kemudian didapati bersalah juga telah dihukum dengan sewajarnya tetapi bukanlah berupa hukuman mati. Kebanyakan daripada mereka mungkin telah selesai menjalani hukuman mereka dan tidaklah wajar bagi mereka yang telah dipertuduh melakukan kesalahan yang lebih ringan dipertuduh pula jikalau sekiranya hendak dibicarakan sekali lagi sekarang ini di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Sekiranya tindakan ini dilakukan mereka akan dibicarakan semula dan menghadapi suatu pertuduhan yang lebih serius lagi di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan sekiranya mereka didapati salah akan dijatuhkan hukuman mati.

Oleh yang demikian Fasal 11 (2) Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengisytiharkan sebagai sah di sisi undang-undang dan mengesahkan mana-mana pertuduhan yang dibuat oleh Pendakwa Raya terhadap mana-mana orang sebelum atau selepas berkuatkuasanya Akta yang dicadangkan di bawah Akta Senjata 1960, Akta Senjata (Penalti Lebih Berat) 1971 atau mana-mana undang-undang yang tidak diisytihar atau dikanunkan di bawah Bahagian XI Perlembagaan Persekutuan mengenai suatu kesalahan yang dilakukan dalam suatu kawasan yang diisytiharkan kawasan keselamatan. Fasal itu juga mengisytiharkan sah di sisi undang-undang dan mengesahkan mana-mana pembicaraan yang dijalankan atau keputusan atau perintah yang diberi, berikutan dengan tuduhan itu.

Tuan Yang di-Pertua, jika seseorang itu boleh didakwa bukan sahaja di bawah sesuatu undang-undang tertentu tetapi juga di bawah undang-undang yang lain maka Pendakwa Raya adalah sentiasa mempunyai budibicara untuk menuduh orang itu di bawah undang-undang yang tertentu itu atau di bawah undang-undang yang lagi satu itu. Majlis Privy sebaliknya telah mengiktiraf budibicara ini

dalam kes Teh Cheng Poh tetapi, sebagaimana yang dinyatakan tadi, membuat keputusan bahawa suatu pertuduhan memiliki senjata api atau peluru secara haram dalam suatu kawasan keselamatan sepatutnya dibuat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 sahaja. Sebaliknya Kerajaan berpendapat bahawa kuasa mengguna budibicara Pendakwa Raya itu membuat pertuduhan patutlah dikekalkan. Sebabnya ialah sungguhpun seluruh negara adalah kawasan keselamatan, namun demikian bukan semua kesalahan melibatkan pemilikan senjata api atau peluru mengenai keselamatan atau anasir-anasir anti-nasional dan subversif.

Setengah daripada mereka yang memiliki senjata api secara haram memilikinya bukanlah dengan niat untuk mengguna senjata api itu bagi maksud melakukan kegiatan-kegiatan subversif atau melakukan jenayah yang serius. Malahan mereka hanya tidak membaharui lesen atau mereka hanya hendak menggunakan senjata api itu bagi maksud yang sah. Misalnya, di Sabah dan Sarawak ada orang-orang yang didapati memiliki senapang-senapang buatan sendiri tetapi menggunakannya bagi tujuan memburu dan menembak binatang-binatang yang merosakkan tanaman-tanaman. Sekiranya demikian, tidaklah patut bagi Pendakwa Raya mempertuduh mereka hanya memiliki senjata api atau peluru dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang boleh dikenakan penalti hukuman mati jika disabitkan. Oleh yang demikian Pendakwa Raya patutlah terus mempunyai budibicara untuk menentukan pertuduhan yang sesuai setelah menimbang semua fakta dan hal keadaan yang berkaitan dengan kes itu. Budibicara ini sangat jelas dalam Fasal 11 (1). Tidaklah menghairankan sekiranya Rang Undang-undang ini akan dikritik oleh segolongan rakyat kerana ianya apabila dikanunkan akan berkuatkuasa kebelakangan.

Bagaimanapun, tatkala membentangkan Rang Undang-undang ini tujuan kami adalah ikhlas. Orang-orang yang dituduh itu telah dibicarakan di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 dan dalam pembicaraan itu segala keterangan yang dikemukakan telahpun dikaji dengan teliti oleh mahkamah. Mereka telah diberi segala kesempatan untuk menafikan tuduhan pihak pendakwa. Terdapat acara-acara khas yang

terkandung dalam Peraturan-peraturan Perlu itu seperti:

- (1) membolehkan seorang saksi memberi keterangan secara tertutup (in camera);
- (2) membolehkan saksi-saksi memberi keterangan dengan cara mereka itu tak boleh dilihat oleh orang yang dituduh atau peguamnya;
- (3) membolehkan saksi-saksi memakai sarung kepala.

Tetapi tidak sekali jua pun sebagaimana saya telah jelaskan tadi acara-acara khas ini digunakan dalam pembicaraan kes-kes tersebut.

Penting juga dinyatakan di sini bahawa Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengesahkan semua perundangan kecil yang dibuat atau berupa sebagai telah dibuat di bawah Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1969. Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk memasukkan ke dalam Akta yang dicadangkan itu peruntukan-peruntukan yang sejajar dengan keputusan Majlis Privy. Misalnya peruntukan yang terkandung dalam Fasal 10 yang membolehkan Mahkamah Persekutuan mengulangkaji.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan membentangkan Rang Undang-undang ini di dalam Dewan ini dengan segala tulus ikhlas. Saya membentangkan Rang Undang-undang ini dengan penuh keyakinan dan suci hati, bahawa apa yang telah dilakukan di bawah Peraturan-peraturan Perlu dan perundangan kecil lain yang dibuat di bawah Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1969 selepas 20hb Februari, 1971 telah dibuat dengan niat baik. Apa juga yang dilakukan itu adalah dengan tujuan memastikan ketenteraman awam dan keselamatan wujud di dalam negeri dan juga supaya kehidupan ekonomi negara ini tidak terancam. Dengan berbuat demikian, adalah diharapkan dapatlah kita hidup dengan aman dan mengikut cara-cara hidup berdemokrasi tanpa takut, atau bimbang terhadap apa sahaja ancaman yang dibuat terhadap nyawa dan harta benda.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.48 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, Parlimen dipanggil bersidang pada hari ini untuk membuat suatu perkara yang luar biasa untuk mengesahkan perbuatan-perbuatan yang tidak sah yang dilakukan oleh Kerajaan sejak lapan tahun yang lalu iaitu sejak 20hb Februari, 1971 dengan cara mengadakan Peraturan-peraturan Darurat yang tidak sah dan tidak berperlembagaan.

Apa yang mengakibatkan kesemua ini ialah keputusan yang dibuatkan oleh Majlis Privy di dalam kes Teh Cheng Poh melawan Pendakwa Raya di mana Majlis Privy telah memutuskan bahawa Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) (Pindaan) 1975 adalah tidak berperlembagaan dan tidak sah.

Peraturan-peraturan (Kes-kes Keselamatan) ini telah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 2 Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1969 yang mana Ordinan tersebut telah diisytiharkan pada 15hb Mei, 1969 menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong oleh Perkara 150 (2) Perlembagaan Malaysia akibat Perisytiharan Darurat yang dibuat selepas berlakunya kerusuhan Mei 13 dalam tahun 1969.

Sejak Peraturan-peraturan (Kes-kes Keselamatan) ini diperbuatkan dalam tahun 1975, saya telah cuba dua kali di dalam Dewan yang mulia ini untuk memansuhkan peraturan-peraturan tersebut, pertama kalinya pada 19hb Disember, 1975 dan kali yang kedua pada 24hb Oktober, 1977 tetapi pada dua-dua kali itu, usul saya telah ditolak.

Saya telah berkata semasa perbahasan diadakan pada 19hb Disember, 1975 bahawa Peraturan-peraturan (kes-kes Keselamatan) bukan sahaja tidak berperlembagaan tetapi juga merupakan satu perampasan atau usurpation kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Parlimen oleh Eksekutif.

Pendirian DAP telahpun disahkan sekarang oleh Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy melalui keputusan yang dibuat dalam kes Teh Cheng Poh ini yang merupakan kes jenayah dan Perlembagaan yang akhir yang didengar oleh Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy.

Dalam keputusan yang dibuat oleh Majlis Privy, Majlis Privy telah memutuskan bahawa

Kerajaan tidak boleh bergantung kepada Perkara 150 (2) Perlembagaan Malaysia untuk memperbuatkan Peraturan-peraturan Kes-kes Keselamatan ini.

Perkara 150 (2) Perlembagaan berbunyi (*Dengan izin*).

“If a Proclamation of Emergency is issued when Parliament is not sitting, the Yang di-Pertuan Agong shall summon Parliament as soon as practicable, and may, until both Houses of Parliament are sitting, promulgate ordinances having the force of law, if satisfied that immediate action is required.”

Majlis Privy telah memutus mengenai perkara ini (*Dengan izin*): “The power to promulgate Ordinance having the force of law is expressed to be exercisable only until both Houses of Parliament are sitting. It lapses as soon as Parliament sits. Once Parliament has sat after the Proclamation, the power to legislate by Ordinance under Article 150 (2) does not revive even during periods when Parliament is not sitting, unless and until a new Proclamation of Emergency is issued by the Yang di-Pertuan Agong.”

“There are only two sources from which the Yang di-Pertuan Agong as such can acquire power to make written law, whatever label be attached to it; one is by a provision of the Constitution itself; the other is by the grant to him of subordinate legislative power by an Act passed by the Parliament of Malaysia in whom by Article 44 of the Constitution the legislative authority of the Federation is vested. So far as his power to make written laws is derived from Article 150 (2) of the Constitution itself, in which they are described as ‘ordinances’, it comes to end as soon as Parliament first sits after the Proclamation of an Emergency; he cannot prolong it, of his own volition, by purporting to empower himself to go on making written laws, whatever description he may apply to them. That would be tantamount to the Cabinet’s lifting itself up by its own boot straps. If it be thought expedient that after Parliament has first sat the Yang di-Pertuan Agong should continue to exercise a power to make written laws equivalent to that to which he was entitled during the previous period to exercise under Article 150 (2) of the

Constitution, the only source from which he could derive such powers would be an Act of Parliament delegating them to him."

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita lanjut lebih, hendaklah ditegaskan sama sekali bahawa dalam perbahasan ini apabila kita rujuk kepada Yang di-Pertuan Agong kita sebenarnya merujuk kepada Kabinet kerana Yang di-Pertuan Agong adalah seorang raja berperlembagaan atau constitutional monarch.

Sepertimana dikatakan oleh Majlis Privy supaya tidak ada salah faham baikpun di dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan ini,

"Although this, (the power to promulgate ordinances under Article 150 (2)), like other powers under the Constitution, is conferred nominally upon the Yang di-Pertuan Agong by virtue of his office as the Supreme Head of the Federation and is expressed to be exercisable if he is satisfied of a particular matter, his functions are those of a constitutional monarch and except on certain matters that do not concern the instant appeal, he does not exercise any of his functions under the Constitution on his own initiative but is required by Article 40 (1) to act in accordance with the advice of the Cabinet. So when one finds in the Constitution itself or in a Federal law powers conferred upon the Yang di-Pertuan Agong that are expressed to be exercisable if he is of the opinion or is satisfied that a particular state of affairs exists or that particular action is necessary, the reference to his opinion or satisfaction is in reality a reference to the collective opinion or satisfaction of the members of the Cabinet, or the opinion or satisfaction of a particular Minister to whom the Cabinet have delegated their authority to give advice upon the matter in question."

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Majlis Privy telahpun menjelaskan dengan nyata bahawa Yang di-Pertuan Agong tidak mempunyai kuasa untuk membuat Peraturan-peraturan Perlu di bawah Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1969 mulai 20hb Februari, 1971 apabila Parlimen telah dipanggil bersidang semula setelah digantung selama 22 bulan dan Peraturan-peraturan lain

seperti peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 dan Peraturan-peraturan Perlu (Pengawalan Penjualan, Bekalan, Impot dan Ekspot Beras) adalah semua tidak sah dan tidak berperlembagaan.

Keputusan yang dibuat oleh Majlis Privy mempunyai implikasi-implikasi yang luas dan besar dan telah menempatkan Kerajaan dalam satu keadaan yang rumit atau "has put the Government on a legal spot" kerana Kerajaan dituduh sebagai telah melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak sah dan tidak berperlembagaan sejak 20hb Februari, 1971 hingga sekarang.

Saya berkata di sini bahawa reaksi dan response Kerajaan terhadap keputusan oleh Majlis Privy akan merupakan satu ujian penting tentang commitment Kerajaan terhadap kedaulatan undang-undang atau the Rule of Law.

Jika sekiranya Kerajaan menjadi pihak kepada sesuatu kes, akankah Kerajaan menerima keputusan yang dibuat oleh mahkamah rayuan tertinggi dalam negara kita sungguhpun Kerajaan telah kalah dan mengalami reverses or embarrassment akankah Kerajaan menerima keputusan-keputusan kehakiman sepertimana diterima oleh lain-lain orang ataupun Kerajaan akan mengambil satu sikap bahawa dasarnya dalam kes undang-undang ialah "Heads I win, tails you lose" kepala saya menang, ekor awak kalah. Jika Kerajaan menang dalam mahkamah semuanya baik dan selamat, tetapi jika sekiranya ia kalah, ia akan menggunakan majoritinya dalam Parlimen untuk mengubah undang-undang secara retrospective supaya membolehkan Kerajaan menang apa yang dikalahkannya dalam mahkamah.

Keadaan ini telah berlaku dalam bulan Disember yang lalu di mana Kerajaan telah meminda Perlembagaan untuk "nullify" keputusan yang dibuat oleh Majlis Privy dalam satu kes baru-baru ini iaitu dalam kes Mahan Singh lawan Kerajaan Malaysia mengenai keselamatan kerja pegawai-pegawai Kerajaan di bawah Perkara 135 (2) Perlembagaan—yang mana pindaan tersebut telah dikebelakangkan kuatkuasanya sehingga Hari Merdeka.

Semenjak Merdeka, Kerajaan telah ber-cenderong dan berselera (propensity) untuk meminda Perlembagaan untuk memuaskan

political whim and fancynya. Sekarang, Kerajaan telah dapat satu propensity dan appetite untuk meminda Perlembagaan ataupun membuat undang-undang yang mempunyai kuasa retrospective supaya menang apa yang dikalahkan dalam mahkamah ataupun meminda undang-undang untuk menentukan ia akan menang dalam mahkamah sungguhpun kes-kes masih berada di hadapan mahkamah.

Propensity baru Kerajaan untuk menentukan kemenangannya dalam kes-kes undang-undang di mana Kerajaan menjadi pihak dengan mengambil sikap "Heads I win, tails you lose," adalah berbahaya kepada negara. Pertama, ia akan wujudkan satu sikap "arrogance of power" kerana ia akan membiakkan fikiran pemimpin-pemimpin Kerajaan dan juga pegawai-pegawai Kerajaan bahawa mereka tidak membuat sesuatu kesalahan ataupun mereka mempunyai kuasa dan kapasiti untuk menukar kesalahan-kesalahan, kesilapan-kesilapan itu dan membuatnya betul. Dua, ia juga akan menggalakkan Kerajaan untuk melayan dengan cara hina hak-hak asasi, Perlembagaan dan undang-undang orang-orang biasa, atau membuat undang-undang secara "slipshod" atau melaksanakan tanggungjawabnya secara "slipshod" kerana mereka boleh mengesahkan secara retrospective apa-apa perkara yang tidak sah dan tidak berperlembagaan. Tiga, propensity ini juga akan menggoncangkan dengan teroknya kepercayaan rakyat dalam kedaulatan undang-undang, dalam kesucian undang-undang dan mahkamah kerana mahkamah tidak boleh lagi memainkan peranannya sebagai benteng perbuatan-perbuatan yang tidak constitutional atau penyalahgunaan kuasa oleh Eksekutif ke atas rakyat biasa. Empat, ia akan membiakkan rakyat yang sinis dan subservient yang tidak akan berani ataupun berpendapat bahawa adalah tidak berfaedah untuk menuntut hak-hak perlembagaan dan undang-undang mereka dengan Kerajaan terhadap "encroachments" dan salahguna kuasa kerana Kerajaan memang tentu akan bersikap "Heads I win, tails you lose."

Rang Undang-undang yang di hadapan Dewan ini iaitu Rang Undang-undang Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 merupakan satu embodiment yang terbaharu, konkrit dan

amat malu tentang sikap Kerajaan ini yang menentukan "Heads I win, tails you lose."

Kerajaan sekarang ialah pencipta yang sedar (conscious author) akan perbuatan-perbuatan tidak sah dan tidak berperlembagaan sepertimana diputuskan oleh Majlis Privy kerana Kerajaan telah tidak peduli amaran dan nasihat yang diberi oleh Parti DAP dan juga oleh komuniti undang-undang. Kerajaan hendaklah menyalahkan diri sendiri. Akan tetapi, memandang kepada implikasi-implikasi yang meluas akibat keputusan Majlis Privy yang bermakna Kerajaan telah bersalah melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak sah, tidak ada mana-mana Kerajaan yang boleh mengeneipkan keputusan Majlis Privy itu dan sebaliknya hendaklah mencipta response terhadap implikasi-implikasi tersebut.

Tetapi response oleh Kerajaan mesti bukanlah sahaja bertujuan mengurangkan akibat-akibat teruk "illegalities" Kerajaan tetapi juga hendaklah memperkuatkan keyakinan rakyat dalam kedaulatan undang-undang serta juga memperkuatkan keyakinan mereka dalam tanggungjawab dan keadilan Kerajaan.

Umpamanya, satu response yang bertanggungjawab terhadap keputusan Majlis Privy mesti mengandungi elemen-elemen yang berikut:

- (1) Penerimaan (acceptance) keputusan Majlis Privy bahawa Peraturan-peraturan Perlu yang dibuat selepas 20hb Februari, 1971 menurut Ordinan Darurat 1969 adalah tidak constitutional dan tidak sah;
- (2) Memperbuatkan sebuah Akta mungkin "Idemnity Act" oleh Parlimen untuk mengecualikan liabiliti Eksekutif atas tindakan-tindakannya yang bona fide yang dilakukan menurut Peraturan-peraturan yang tidak sah ini, dengan memperuntukkan bahawa tindakan sivil dan criminal tidak boleh diambil terhadap apa-apa tindakan yang diambil menurut Peraturan-peraturan ini;
- (3) Mengkaji Peraturan-peraturan yang tidak sah ini dan jika pihak Eksekutif berpendapat bahawa peraturan-peraturan ini hendaklah dibuatkan undang-undang, membuat undang-undang ini dengan mengikut proses

perundangan Parlimen yang biasa tanpa membelakangkan kuatkuasanya, tanpa ada perundangan yang retrospective.

Jika kita perhatikan Rang Undang-undang ini, nampaknya Kerajaan yang terkejut dengan kekalahannya di Majlis Privy dalam kes Teh Cheng Poh melawan Pendakwa Raya memutus untuk menunjukkan kuasanya kepada semua orang bahawa sesiapa yang mencabarnya tidak akan menang kerana dalam analisa yang akhir Kerajaan boleh membuatkan undang-undang dengan kuasa "retrospective", untuk menang apa yang dikalahkan di dalam mahkamah. Nampaknya Kerajaan telah mengambil sikap: mahkamah boleh buat apa keputusan, kita ada majoriti di Parlimen buat apa kita mahu.

Kerosakan Rang Undang-undang ini ke atas keyakinan rakyat dalam kedaulatan undang-undang adalah tidak boleh diukur dan bagi tujuan yang begitu kecil selain daripada menyelamatkan air muka Menteri-menteri dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab terhadap Peraturan-peraturan tersebut.

Kerajaan tidak berela hati untuk mengaku bahawa ia telah membuat kesilapan-kesilapan yang dahsyat dalam membuatkan undang-undang yang tidak constitutional. Apa yang lebih dahsyat ialah Kerajaan sekarang telah memutus untuk memburukkan kesilapan-kesilapan tersebut dengan memberikan undang-undang yang tidak constitutional itu pengesahan secara retrospective sehingga 20hb Februari, 1971 melalui Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 ini sedangkan tidak terdapat apa-apa alasan atau justification mengapa undang-undang tersebut hendak dibuat kerana undang-undang tersebut adalah berdasarkan kepada Perisytiharan Darurat yang diisytiharkan untuk mengawal kerusuhan Mei 13 yang mana keadaan tersebut tidak wujud lagi, keadaan tersebut sudah tidak wujud sama sekali pun sebelum Februari, 1971.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan pihak Kerajaan untuk meneruskan Pengisytiharan Darurat apabila keadaan darurat yang menyebabkan pengisytiharannya itu telah tamat merupakan satu cara jelas, satu sahaja kuasa dan juga kekalahan pengisytiharan itu adalah tidak constitutional.

Sungguhpun Majlis Privy dalam kes Teh Cheng Poh melawan Pendakwa Raya tidak mengambil satu keputusan atas soalan samada waktu Peraturan-peraturan Kes-kes Keselamatan 1975 dibuat, Perisytiharan Darurat yang dibuat pada 15hb Mei 1969 telah tamat dan Perisytiharan Darurat yang dibuat pada 15hb Mei itu tidak berkuatkuasa lagi, jika kita meneliti keputusan Privy Council itu kita akan berpendapat bahawa bukan sahaja Perisytiharan Darurat Proclamation of the Emergency itu "justiciable", boleh dibicara dalam mahkamah tetapi mana-mana kes rayuan kalau boleh pergi ke Majlis Privy mempunyai harapan yang baik untuk berjaya atas alasan Perisytiharan Darurat 1969 tidak lagi boleh dikuatkuasakan lagi.

Ini adalah kerana sungguhpun soal-soal Perisytiharan Darurat tidak dibahas di hadapan Majlis Privy, soal Perisytiharan Kawasan Keselamatan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 47 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 telahpun ditimbang oleh Majlis Privy.

Keputusan Majlis Privy atas soal Perisytiharan Kawasan Keselamatan (Proclamation of Security Area) adalah seperti berikut. Dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan.

Tuan Lim Kit Siong: "The power to proclaim an area as a security area with the consequences that this will entail is a discretionary one. It is for the Yang di-Pertuan Agong (again, in effect, the Cabinet) to form an opinion whether public security in any area in Malaysia is seriously disturbed or threatened by the causes—referred to in the section (s. 47), and to consider whether in his opinion it is necessary for the purpose of suppressing organised violence of the kind described. But, as with all discretions conferred upon the Executive by Act of Parliament, this does not exclude the jurisdiction of the court to inquire whether the purported exercise of the discretion was nevertheless *ultra vires* either because it was done in bad faith (which is not in question in the instant appeal) or because as a result of misconstruing the provision of the Act by which the discretion was conferred upon him the Yang di-Pertuan Agong has purported to exercise the discretion when the conditions precedent to its exercises were not fulfilled or,

in exercising it, he has to take into consideration or has failed to take into consideration some matter which the Act requires him to take into consideration.”

“The Proclamation is lawful because it is considered by the Yang di-Pertuan Agong to be necessary to make an area a security area for the purpose, not of suppressing violence by individuals generally but of suppressing existing or threatened organised violence of the kind described in the section. Once he no longer considers it necessary for that particular purpose it would be in abuse of his discretion to fail to exercise his power of revocation, and to maintain the Proclamation in force for some different purpose.”

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Privy telah berpendapat bahawa mahkamah-mahkamah bukanlah “powerless to grant to the citizen a remedy in cases in which it can be established that a failure to exercise his power of revocation would be an abuse of his discretion”, dan Majlis Privy bercadang supaya writ of mandamus diambil terhadap anggota-anggota Kabinet yang akan mengkehendaki mereka menasihati Yang di-Pertuan Agong supaya Perisytiharan Darurat (Security Area) itu dibatalkan.

Sebenarnya, suatu permohonan untuk “mandamus” telahpun difailkan di dalam Mahkamah Tinggi Pulau Pinang terhadap Kabinet yang mengkehendaki Kabinet menasihati Yang di-Pertuan Agong supaya membatalkan Perisytiharan Kawasan Keselamatan.

Dengan menggunakan argumen-argumen yang sama, terdapat juga ada “remedy” dalam mahkamah terhadap salahguna kuasa budibicara dengan tidak membatalkan Perisytiharan Darurat yang dibuat di bawah Perkara 150 (1) apabila keadaan yang memerlukan perisytiharan itu dibuat tidak ujud lagi.

Kerajaan telah mengiktirafkan merit dan cogency argumen ini dan itulah sebabnya Kerajaan telah mengemukakan Fasal 12 Rang Undang-undang ini di mana Perisytiharan-perisytiharan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong tidak boleh dipersoalkan di dalam Mahkamah.

Inilah satu bahagian yang baru yang sangat mustahak dan tidak disebut oleh Yang

Berhormat Menteri apabila mengemukakan ucapannya saya tidak tahu samada dengan sengaja atau tidak sengaja. Tetapi ini satu perkara yang sangat anih oleh kerana ini satu pindaan kepada undang-undang yang sangat dalam dan luas implikasinya, samada beliau berharap kita tidak tengok Fasal itu dan tidak tahu Fasal itu dan dengan diam-diam boleh diluluskan.

Fasal 12 berbunyi:

“Tiada suatupun mahkamah mempunyai bidangkuasa melayan atau memutuskan apa-apa jua bentuk permohonan atau persoalan, atas apa-apa alasan, mengenai sahnya atau perjalanan kuatkuasa berterusan apa-apa perisytiharan yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada menjalankan apa-apa kuasa yang diletak hak padanya di bawah mana-mana Ordinan yang diisytiharkan atau Akta Parlimen yang dikanunkan, di bawah Bahagian 11 Perlembagaan Persekutuan.”

Dan omission ini begitu serius dan penting nampaknya merupakan satu percubaan untuk mislead Dewan ini. Apa yang lebih mustahak

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini dalam Huraian pun ada disebut.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu. Tetapi apabila Yang Berhormat berucap, perkara itu ditinggalkan, apa sebabnya? Bolehkah beri satu jawapan, dan apa sebab manu dikecualikan perkara ini daripada dibawa ke mahkamah. Sampai sekarang ini perkara ini menjadi satu perkara yang “justiciable” dan ada satu kes sudahpun difail. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ada mengatakan perkara ini *sub judice*, ini adalah satu lagi case *sub judice* satu lagi kes yang baru terlibat. Inilah yang saya rasa tidak adil, tidak patut dan menjejaskan konsep Rule of Law.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 12 ini merupakan satu lagi “pre-emptive strike” oleh Kerajaan untuk melindungi perbuatan-perbuatan yang tidak sah dan tidak Constitutional itu dari dicabar di mahkamah-mahkamah oleh warganegara-warganegara, khasnya berikutan dengan keputusan Privy Council di mana mengatakan bahawa mandamus boleh diguna untuk mewajibkan Kabinet dan untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong untuk menarik balik pengisytiharan.

Dengan membuatkan Perisytiharan Darurat yang diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah dan juga dengan mengadakan suatu keadaan darurat yang kekal (Permanent State of Emergency) dengan mengekalkan Perisytiharan tersebut untuk masa yang tidak ada berkaitan langsung dengan situasi yang asal untuk mana perisytiharan tersebut dikeluarkan. Parlimen sebenarnya sekarang sedang membuatkan undang-undang untuk mengadakan pemerintahan diktator di negara ini yang melemahkan asas Kerajaan berparlimen.

Umpamanya, Rang Undang-undang Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 yang kita diminta meluluskan hari ini akan memberikan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong (sebenarnya Kabinet atau lebih tepat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri atau "Kitchen Cabinet", dua, tiga atau empat anggota sahaja) secara retrospective untuk membuat peraturan-peraturan yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan termasuk peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan hak-hak asasi. Ertinya ialah dengan kuatkuasa Undang-undang ini Kabinet boleh melalui peraturan meminda Perlembagaan kita untuk masa darurat, inilah ertinya kuasa-kuasa yang kita akan memberi kepada Kabinet. Kalau begitu, apa guna ada Parlimen, Parlimen sudah jadi redundant, lebih baik tutup Parlimen dan semua law making power diberi kepada Kabinet atau sebenarnya Menteri-menteri atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini bercanggah, bertentangan dengan konsep Parliamentary Democracy.

Oleh kerana Perisytiharan Darurat tidak boleh dicabar dalam mahkamah dan oleh kerana tidak ada apa-apa jalan untuk mencegah salahguna kuasa oleh Eksekutif maka pihak Eksekutif boleh menerusi peraturan-peraturan membuat undang-undang dan juga meminda Perlembagaan untuk masa darurat mengikut kesukaannya. Kerajaan mungkin akan menjawab bahawa Eksekutif adalah bertanggungjawab (answerable) kepada Parlimen, tetapi kita semua tahu ini hanya merupakan satu myth. Betul, teori ialah Eksekutif answerable kepada Parlimen, tetapi kalau kita fikir, timbang, adakah ini benar. Adakah setiap Ahli Parlimen dari pihak Barisan Nasional berani bangkang Rang Undang-undang ini? Sebenarnya Ahli-ahli

Parlimen majoritinya adalah answerable kepada Eksekutif, bukan Eksekutif answerable kepada Parlimen. Inilah yang sebenarnya. Itu adalah satu teori yang menunjukkan Kabinet dengan meluluskan Rang Undang-undang ini kuasa yang mutlak dan sebenarnya dictatorial sudah masuk ke tangan Kabinet.

Akta ini hampir-hampir membuatkan Parlimen redundant kerana Kabinet sekarang akan diberi kuasa untuk membuat undang-undang yang mempunyai implikasi-implikasi yang meluas yang boleh nullify peruntukan-peruntukan dan jaminan-jaminan Perlembagaan tanpa rujukan kepada Parlimen. Ini bukan sahaja membuatkan Parlimen "Impotent" tetapi juga menunjukkan dengan jelas commitment lemah Kerajaan terhadap prinsip-prinsip demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dalam tahun 1979 adalah jauh beza daripada Malaysia dalam masa Mei, 1969. Tidak ada apa-apa "justification" untuk menginstitutionalise langkah-langkah darurat tahun 1969. Kita sebenarnya harus batalkan institusi-institusi darurat tahun 1969.

Dalam masa 22 tahun Malaysia menjadi sebuah negara yang merdeka Malaysia telah diletakkan di bawah darurat selama 18 tahun kecuali di antara tahun 1960-1964. Malahan, kita hidup dalam satu keadaan darurat yang tetap, satu state of permanent emergency.

Kita boleh lihat daripada Malaysia dan juga daripada negara-negara lain bahawa kegunaan kuasa-kuasa perlembagaan simpanan reserve constitutional powers dan pengenalan satu keadaan darurat yang tetap merupakan cara-cara bagaimana sistem-sistem authoritarian ditubuhkan.

Sebenarnya masalah kita ialah kita hendaklah mengenakan sekatan-sekatan ke atas pelaksanaan kuasa-kuasa darurat dan bukan membuatkan Perisytiharan Darurat sebagai tidak boleh dipersoalkan di mana-mana Mahkamah atau dikawal atau dikontrol dalam Parlimen. Hendaklah diadakan satu sistem pengawalan oleh mahkamah ke atas pelaksanaan kuasa-kuasa darurat oleh pihak Eksekutif dengan tujuan sekurang-kurangnya tiga:

- (a) menentukan sama ada "circumstances" telah timbul dan syarat-syarat telah dipenuhi untuk darurat diisytiharkan.

- (b) menghadkan keluasan untuk mana kuasa-kuasa darurat boleh digunakan sampai menyekat hak-hak asasi individu-individu; dan
- (c) memberikan mahkamah bidangkuasa penyeliaan untuk menentukan bahawa kuasa-kuasa darurat hanya digunakan untuk tujuan-tujuan tertentu untuk mana kuasa-kuasa itu diberi dan juga menentukan kegunaan kuasa-kuasa darurat tidak melampau batas.

Kita hendaklah kembali kepada Perlembagaan yang sedia ada pada hari Merdeka dalam tahun 1957 di mana telah diperuntukkan bahawa sesuatu perisytiharan darurat akan luput secara otomatis dua bulan selepas perisytiharan itu dibuat dan sesuatu Ordinan yang dibuatkan oleh Yang di-Pertuan Agong akan luput dalam masa 15 hari daripada mana kedua-dua Dewan bersidang kecuali sebelum tempoh tersebut satu resolusi telah dilulus oleh kedua-dua Dewan. Kerana jika sekiranya itu tidak dibuat, kita akan ada satu sistem kerajaan yang parallel (a parallel government) iaitu dengan undang-undang darurat yang ujud dan juga mengatasi undang-undang yang dibuat oleh Parlimen.

Apabila saya berkata bahawa Akta ini berkenaan dengan kuasa-kuasa darurat memberikan kuasa-kuasa diktator kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kitchen Cabinetnya, saya tidak sama sekali bercadang bahawa Perdana Menteri kita ialah seorang diktator atau akan menjadi seorang diktator. Tetapi perkara institutionalising kuasa-kuasa dictatorial ini dalam tangan Perdana Menteri dan Kitchen Cabinetnya tanpa pengawalan oleh mahkamah atau pencegahan yang efektif oleh Parlimen hendaklah ditentang oleh semua orang yang mencintai kebebasan di Malaysia dan juga oleh demokrat-demokrat kerana ini adalah berbahaya kepada negara kita.

Kita telah lihat banyak contoh-contoh tentang penyalahgunaan kuasa oleh pihak yang berkuasa sehingga kita mendapat kesukaran untuk mempercayai bahawa kuasa-kuasa tersebut tidak akan disalahgunakan. Pemimpin-pemimpin politik dan pemimpin-pemimpin populace masih menghabiskan masa mereka dalam kem-kem tahanan bukan kerana mereka telah melakukan apa-apa kesalahan tetapi oleh kerana mereka telah menjadi duri dalam daging kepada Kerajaan.

Ahli-ahli Parlimen dari Sungai Besi dan Batu Gajah iaitu Sdr. Chan Kok Kit dan Sdr. Chian Heng Kai yang telah menjalan tahanan selama dua tahun telah dibaharui tahanan mereka untuk selama dua tahun lagi dan pembaharuan ini telah pun dibuat pada Hari Tahun Baru. Mereka dituduh dengan palsu sebagai berpakat dengan organisasi-organisasi Fron Bersatu Komunis tetapi Kerajaan tidak boleh memberi apa-apa bukti terhadap tuduhan yang dilemparkan terhadap kedua-dua Ahli-ahli Parlimen ini.

Akta yang di hadapan Dewan ini merupakan langkah Kerajaan yang terbaru yang high-handed dan langkah Kerajaan ini adalah counter-productive kepada objektif membina sebuah negara Malaysia yang berasaskan perpaduan, kebebasan, keadilan, kedaulatan undang-undang dan multi-racialism.

Masanya sudah sampai di mana kita harus membuat usaha-usaha yang sungguh-sungguh untuk memupuk dan menguatkan perpaduan negara di negara kita jika kita hendak survive bahaya-bahaya yang terdapat di rantau sepertimana ditunjukkan oleh penaklukan Phnom Penh oleh pasukan-pasukan yang disokong oleh Vietnam.

Perpaduan negara ini hendaklah berasaskan kepada nilai-nilai demokratik dan menghormati hak-hak asasi dan perpaduan negara tidak boleh berasaskan kepada undang-undang yang menindas dan bersifat authoritarian. Akta Darurat 1979 ini untuk melayan dengan suatu Perisytiharan yang diisytiharkan 10 tahun dahulu bukanlah merupakan satu langkah yang tepat. Akta ini mengsubvertkan Kedaulatan Undang-undang. Ia juga mengsubvertkan jaminan-jaminan Perlembagaan. Umpamanya dengan membuatkan Peraturan-peraturan (Kes-kes Keselamatan) ini secara retrospective, ianya melanggar Perkara 7 Perlembagaan yang mana Perkara tersebut memperuntukkan bahawa "No person shall be punished for an act or omission which was not punishable by law when it was done or made, and no person shall suffer greater punishment for an offence than was prescribed by law at the time it was committed".

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa-apa justification untuk melanjutkan Undang-undang Darurat dalam masa-masa non-emergency. Sebenarnya darurat 1969 harus

dibatalkan bukan sahaja dengan sebab-sebab ini kita tidak boleh sokong Rang Undang-undang ini tetapi kita menimbang dengan mendalam implikasi Rang Undang-undang ini.

Tadi rakan saya Ahli dari Jelutong ada kemukakan satu perkara yang sangat rumit, perkara penting mengenai *sub judice* tindakan kita untuk membahaskan perkara ini oleh kerana perbahasan ini dan tindakan kita akan alter, menukar dengan merugikan kes Teh Cheng Poh ini. Kedua oleh kerana akan melibatkan satu kes dan sudah disahkan dalam Mahkamah untuk memerlukan satu mandamus mewajibkan Kabinet menasihatkan Yang di-Pertuan Agong membatalkan pengisytiharan kawasan keselamatan. Nampaknya Eksekutif Kerajaan Barisan Nasional cuba dengan majoriti Parlimen untuk mengganggu atau campur tangan dengan proses Mahkamah dan kita dari DAP tidak mahu mengambil bahagian dalam proses ini oleh kerana kita tidak mahu "confer legitimacy and respectability" kepada tindakan-tindakan yang sangat improper, sangat irregular.

Dan dengan ini, saya umumkan bahawa kita akan keluar dari Dewan oleh kerana kita tidak mahu (*Disampuk*) "confer legitimacy and respectability" kepada satu perkara yang irregular dan improper dan satu tindakan yang bertentangan dengan kedaulatan Undang-undang. (*Disampuk*) (*Ahli-ahli DAP keluar Dewan*).

4.30 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri Undang-undang telah menerangkan dengan panjang lebarnya mengenai latarbelakang Rang Undang-undang ini dan juga telah menerangkan dengan panjang lebar akan hakikat keadaan keselamatan yang sebenarnya. Saya percaya jika semua maklumat-maklumat ini diberikan publicity yang sewajarnya maka sebilangan besar rakyat akan memberikan sokongan di atas Undang-undang yang kita bahaskan ini, kecuali barangkali mereka-mereka yang terdiri daripada ahli-ahli parti minoriti dan juga mereka-mereka yang kita anggap sebagai "subversive elements".

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya tidak hendak memberi pandangan kepada Kerajaan supaya memberikan justifikasi yang

sebenarnya di atas keperluan Rang Undang-undang ini. Tetapi saya rasa apa yang lebih berat ialah bagi pihak Kerajaan supaya menyedari bahawa sekarang ini adanya percakapan-percakapan daripada rakyat umum berkaitan dengan kecekapan Kerajaan di dalam mengendalikan masalah undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada pengalaman saya setakat ini saya berpendapat masyarakat umum memberikan dua pengertian kepada Rang Undang-undang ini. Kepada mereka yang terpelajar khususnya daripada golongan Peguam dan juga Bar Council, mereka ini mengetahui akan prinsip dan pendirian Privy Council apabila sesuatu kes itu dikemukakan pada mereka oleh mahkamah yang berkenaan. Mereka mengetahui bahawa Privy Council sebolehnya tidak akan memalingkan keputusan mahkamah yang telah dibicarakan kes itu melainkan jikalau mereka berpendapat bahawa adanya dalam bahasa Inggeris, dengan izin 'gross miscarriage of justice'. Jadi dengan adanya keputusan Privy Council di dalam kes Teh Cheng Poh, pihak Kerajaan tidak lagi menafikan bahawa barangkali ada sesuatu kesilapan yang telah berlaku. "Miscarriage of justice" memang berlaku di mana-mana Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja berlaku di mahkamah-mahkamah di negara kita tetapi dia juga berlaku di mahkamah-mahkamah negara-negara lain yang telah melanjutkan kes-kes kepada Privy Council.

Perkara miscarriage of justice biasanya berlaku di dalam masa Hakim mentakrifkan sesuatu undang-undang ataupun mentakrifkan sesuatu procedure dan apa juga keputusan yang diberikan oleh Privy Council mengenai kes yang dihadapi kepadanya maka ini adalah merupakan satu perbezaan di antara Privy Council, pendapat Law Lords, dengan mahkamah-mahkamah itu sendiri. Jadi, kita tidak perlu mengambil perhatian. Tetapi malangnya pada kali ini sungguhpun ini merupakan satu perbezaan pendapat di antara Privy Council dengan Mahkamah Persekutuan, tetapi kesannya yang ada pada pihak Kerajaan oleh kerana keputusan telah dibuat oleh Privy Council di atas satu undang-undang yang kita anggapkan sangat perlu dan penting bagi mewujudkan kestabilan negara ini. Jadi secara tidak langsung ini telah melibatkan Kerajaan.

Bagi rakyat biasa pula, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini tidak mengetahui hal undang-undang dan jauh sekali mengetahui akan technicality undang-undang tetapi walau macam manapun mereka ini mengetahui bahawa ada sesuatu kesilapan yang berlaku bagi pihak Kerajaan dan inilah sebabnya maka Bill ini dikemukakan di dalam persidangan khas hari ini. Saya rasa tidak patut kalau hendak dikatakan imej Kerajaan telah terjejas tetapi sedikit sebanyak saya rasa memang ada perkara yang barangkali tidak kena dan harus diperbetulkan segera. Inilah tujuan saya untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini.

Saya percaya pihak Kerajaan selama ini tidaklah cuai di dalam mengkaji samada Ordinan tahun 1969 itu masih boleh dikuatkuasakan dan begitu juga Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya. Kerajaan tidak pernah cuai, tidak ada negligence bagi pihak Kerajaan tetapi cumalah selama ini Kerajaan berpendapat bahawa Ordinan tahun 1969 itu masih valid, masih boleh digunakan dan dengan itu Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya masih boleh dikuasakan tetapi malangnya Privy Council berpendapat lain. Ini sahaja masalahnya. Namun demikian, rakyat tidak faham, rakyat mengatakan kita telah melakukan kesilapan.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, elok benar jikalau Kerajaan bersikap tidak ada perasaan false pride di dalam perkara ini. Saya rasa Kerajaan patut menerangkan kepada rakyat apa sebenarnya telah berlaku. Berikan sepenuh publicity kepada perkara ini, adakan program khas di dalam TV menerangkan satu per satu mengapa kita berbuat begini, mengapa kita mengadakan persidangan khas ini dan di manakah kesilapan dan di manakah kebetulan yang kita harus buat. Memanglah jawapannya, Parlimen sudah mendapat publicity malam ini barangkali sudah ada Laporan Parlimen, Kenyataan Yang Berhormat Menteri Undang-undang barangkali akan dikeluarkan dengan teks yang sepenuhnya tetapi di dalam pada itu ada juga barangkali campur aduk ucapan-ucapan khususnya ucapan daripada Ketua Pembangkang tadi dan beberapa orang lagi. Ini semua barangkali boleh mengelirukan rakyat.

Saya percaya jikalau publicity yang sewajarnya diberikan barangkali kita akan mendapat simpati dan sokongan besar daripada sebilangan besar rakyat kerana

rakyat mengetahui hakikat yang sebenarnya dengan perkara-perkara keselamatan dan mengapa undang-undang ini perlu. Tetapi apa salahlah kalau kita beri tahu rakyat bahawa kita telah berlainan pengertian dengan Privy Council. Kita mentakrifkan begini tetapi Privy Council mentakrifkan berlainan tetapi pada sebenarnya tidak ada kesilapan bagi pihak Kerajaan. Ini tentu rakyat akan memahami dan rakyat akan bersimpati dengan pihak Kerajaan. Kerana perkara yang penting di sini, saya berpendapat bukanlah kita hendak mencari justification bahawa Undang-undang ini perlu. Ini kita boleh bercakap, kita boleh appeal kepada segolongan kecil sahaja, kepada Pembangkang, kepada elements subversive tetapi perkara ini saya rasa menghabiskan masa. Kita tidak perlu lagi appeal kepada mereka kita hendak appeal kepada sebilangan besar rakyat. Jadi masalah justification ini tidak perlu. Yang perlu ialah memberitahu kepada rakyat bahawa tidak ada kecuaihan, tidak ada kesilapan bagi pihak Kerajaan. Ini yang akan membetulkan imej Kerajaan.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Setapak.

4.41 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun hendak mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-undang Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979.

Saya ingin bercakap pada menyokong Rang Undang-undang ini daripada segi implikasi politik yang telah banyak diprovoke oleh Wakil dari Petaling selaku Ketua Pembangkang yang mengakui bahawasanya parti merekalah parti DAP yang champion, yang menjadi johan dalam perkara ini. Sebenarnya tidak, dan juga mereka telah menuduh bentuk Kerajaan kita pada hari ini berupa satu Kerajaan yang berkuku besi dan juga menuduh Executive dan pegawai-pegawai Kerajaan kita arrogance of power.

Di sini sukacita saya membetulkan rekod dan menafikan tuduhan Ketua Pembangkang Parti DAP yang tidak berasas. Kerana pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, Wakil dari Petaling mewakili parti DAP memandang perkara ini daripada satu aspek sahaja iaitu membuat teguran pada ketika ini setelah kita menerima teguran daripada Majlis Privy.

Wakil dari Petaling tidak ada membuat kajian sedikit berkenaan dengan trajedi tahun 1969, seolah-olah parti DAP tidak bersimpati dengan keadaan negara kita, apa yang telah berlaku pada tahun 1969. Dan juga Wakil dari Petaling membuat gambaran kalau main tossing of coin: "Heads I win, tails you lose". Sebenarnya saya ingin merekodkan dalam Dewan walaupun beliau dan kunci-kuncunya tidak ada lagi, iaitu "win or lose, DAP will still lose"—janganlah susah hati. Kerana parti DAP mempunyai sikap sebagai parti Pembangkang iaitu "Head or tail, still DAP wants to win"—tidak berjaya, Tuan Yang di-Pertua. Kerana kita tahu tiap-tiap pindaan Perlembagaan mengikut pengalaman yang saya ketahui yang dijalankan dan diuruskan di dalam Dewan yang mulia ini, parti DAP sentiasa menolak dan tidak menyokong, sebab pindaan-pindaan yang dibuat oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk kebaikan orang ramai. Apa-apa sahaja usaha Kerajaan untuk kebaikan masyarakat dan rakyat yang berbilang bangsa di dalam negara ini bermakna melemahkan pengaruh parti Pembangkang khasnya parti DAP kerana parti-parti Pembangkang ini survive (hidup) kerana kelemahan Kerajaan.

Di sini saya suka membetulkan rekod supaya janganlah ucapan Wakil dari Petaling tadi itu berjalan begitu sahaja seolah-olah apa yang dicakapkannya semuanya betul belaka. Juga kita semua sedia maklum, saya naik hairan sedikit kerana parti DAP ini ada juga kaitannya dengan sahabat mereka di seberang laut sana. Di sana dia menyokong apa sahaja tindakan tegas dibuat oleh Kerajaan, tetapi di sini dia menghentam. Kita sedar bagaimana salah seorang sahaja lamanya Wakil dari Petaling bertelingkah dalam Dewan ini. Pada tahun 1974 beliau adalah wakil dari Kota Melaka sahabatnya menerangkan bagaimana pertelingkahannya di dalam Dewan ini, menerangkan apabila mereka bergaduh di Pulau Pinang, Ketua mereka bukannya balik ke Kuala Lumpur tetapi terbang ke Singapura dahulu, kemudian baru balik ke Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah saya meminta kepada pihak Kerajaan iaitu meyakinkan orang ramai bahawasanya tiap-tiap pindaan Perlembagaan dan Undang-undang ini adalah untuk keperluan negara yang berbilang bangsa ini dan saya sangat bersetuju dengan pendapat yang diutarakan oleh sahabat saya dari Maran iaitu orang ramai kebanyakannya memandang daripada

satu segi sahaja jadi patutlah mereka diberikan penjelasan dan penerangan dengan seluas-luasnya supaya tidak timbul implikasi melaga-lagakan perasaan dan politik di dalam negara yang berbilang bangsa ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penerimaan pihak Kerajaan kita, teguran daripada Majlis Privy adalah membuktikan bahawa Kerajaan di Malaysia ini adalah terdiri daripada sebuah Kerajaan yang tidak berkuku besi, yang sedia menerima teguran, yang sedia membuat perubahan dan penyesuaian. Sekali lagi dengan sikap Kerajaan kita yang boleh menerima, yang boleh kita anggap sebagai 'international law-abiding Government' bolehlah menangkis tuduhan Ketua parti DAP ataupun parti Pembangkang yang mengatakan Kerajaan kita mengamalkan sikap kuku besi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara pindaan ataupun mengemukakan Rang Undang-undang Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 ini, saya minta juga pihak Kerajaan jangan lupa sementara kita mengadakan ini hendaklah juga mengingatkan keadaan yang dihadapi oleh negara pada ketika ini iaitu masalah pendatang haram, samada peraturan-peraturan yang hendak diluluskan di dalam Parlimen pada hari ini boleh dilaksanakan, boleh digunakan ataupun boleh diberi kuasa kepada pihak Kerajaan kita mengambil tindakan terhadap rakyat Malaysia yang terlibat yang memberikan kerjasama kepada pendatang-pendatang haram.

Ini perlu, sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu kiranya pihak Kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka akan dichallenge sekali lagi dalam tempoh lima enam tahun atau sepuluh tahun yang akan datang ke Majlis Privy dan sekali lagi pula ke Parlimen pada masa yang akan datang kerana masalah itu juga. Jadi untuk hendak mengelakkan ini, saya mintalah di dalam persidangan pada hari ini Kerajaan kita kalau dapat melengkapkan, kalau dapat menyelembungi keseluruhan keadaan-keadaan darurat yang sentiasa mengancam negara kita pada hari ini. Dan juga saya tidak lupa memohon kepada pihak Kerajaan dalam pada kita meluluskan Rang Undang-undang Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) ini dapat memasukkan tindakan-tindakan yang tegas jika hendak diambil kepada mereka yang terlibat di dalam pendedaran dan

penyalahgunaan dadah di dalam negara ini yang kita semua sedia maklum walaupun beberapa keputusan mahkamah telah dibuat tetapi perlaksanaannya belum dapat dijalankan 100 peratus. Inilah yang sedihnya, Tuan Yang di-Pertua, keadaan dalam negara kita ada ketikanya kita ini jauh tertinggal ke belakang oleh kerana niat yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh sangat Rang Undang-undang ini kerana Malaysia setakat hari ini kalau kita pergi keluar negeri kita berasa megah menjadi warganegara Malaysia sebab Malaysia terkenal dengan pakatan dan hidup secara muhibbah di kalangan rakyat yang berbilang kaum sebab terasnya ia kerana dengan adanya kuasa-kuasa Undang-undang Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) ini sebagai panduan kepada rakyat. Walaupun parti Pembangkang boleh jadi tidak bersetuju dengan pendapat saya tetapi di dalam negara kita yang muda, yang berbilang bangsa, yang polisi dasar pelajarannya belum lagi lengkap dan belum lagi teguh, Undang-undang perlu mesti diwujudkan sebagai teras bagi mencapai matlamat dalam kehidupan negara kita.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Undang-undang mengemukakan usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga selesai dipertimbangkan urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga selesai dipertimbangkan urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini.

RANG UNDANG-UNDANG DARURAT (KUASA-KUASA PERLU) 1979

Perbahasan disambung semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Baling. 4.53 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 walaupun saya yakin bahawa apa cara jua pun Rang Undang-undang ini dibincangkan ia pasti juga akan diluluskan. Sungguhpun begitu, saya berdiri demi untuk menyatakan sikap dan menampakkan perbezaan antara the Rule of Law dengan the Law of the Rulers. Dengan keyakinan bagaimana jua pun berkuasanya orang yang berkuasa jika ia menyalahgunakan kekuasaan itu sejarah tetap akan menghukum orang-orang yang melakukan kezaliman dan orang-orang yang dengan sewenang-wenangnya meletakkan hukum-hukum yang berlawanan dengan prinsip-prinsip keadilan.

Sesungguhnya di atas kekuasaan yang dimiliki oleh makhluk yang fana ini ada lagi kekuasaan yang maha berkuasa, iaitulah kekuasaan Allah (s.w.t.) dengan terang menegaskan kepada manusia: "Sesungguhnya Allah (s.w.t.) tidak menyukai orang-orang yang zalim".

Apabila kita bangun untuk membicarakan sesuatu yang berkaitan dengan Undang-undang dan apabila kuasa yang diberikan kepada Dewan ini untuk membahas dan membuat Undang-undang kita percaya bahawa sesuatu yang menjadi tanggungjawab kita yang terpenting ialah memelihara dan memastikan perjalanan the Rule of Law. Kita percaya dan yakin bahawa kita tidak diberi kuasa sewenang-wenang dan diberikan kebebasan sehingga kita menyangka bahawa kita boleh buat apa jua yang kita mahu dan meluluskan apa jua Undang-undang semahumahu nafsu yang ganas tanpa terikat dengan nilai-nilai dan prinsip-prinsip akhlak dan juga keadilan.

Kita percaya bahawa tugas kita sebagai Ahli-ahli Dewan ini adalah tugas pimpinan yang penting yang diberi kuasa membentuk sistem dan undang-undang di dalam menentukan corak masyarakat kita di masa ini dan juga di masa hadapan. Tugas dan peranan ini bukanlah satu keistimewaan tetapi sebagaimana yang ditegaskan oleh Rasulullah (s.a.w.) dengan izin: "Innaha amanahun wa-innaha fil-akhirati fiziun, wanadama illaman afadaha bihafiha wa-adallazi alaifiha". Yang bermaksud: "Bahawa ini adalah amanah dan ia di Hari Akhirat akan menjadi kerugian dan penyesalan, kecuali bagi orang yang mengambilnya dengan cara yang hak serta menunaikan kewajipan-kewajipan yang dipikulkan ke atasnya".

Kerelaan kita mengambil bahagian dalam perbincangan ini adalah juga sebagai peringatan kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional demi untuk menyedarkan mereka betapa jauhnya mereka membawa dasar negara ini menyimpang dari landasan keadilan dan kebenaran. Mereka sedang mengamalkan konsep diktator dalam bentuk baru, iaitu Parliamentary Dictatorship di mana mereka menggunakan kelebihan suara mereka untuk terus mencabul kebebasan dan mengecilkannya. Kesalahan-kesalahan mereka di masa-masa yang lalu yang banyak menganiaya orang-orang yang tidak berdosa diampunkan dan diharuskan dengan mengamalkan Undang-undang cara retrospective yang kini menjadi amalan Parlimen yang lumrah.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pada hari ini Dewan ini diberi tugas yang sangat anih di samping ia ditugaskan membincang satu Akta yang menyetuh peranan suci Dewan ini. Akibatnya, jika diluluskan Akta ini memberi makna bahawa Dewan ini ber-subahat melakukan kesilapan besar dalam sejarah perundangan. Dewan ini diberikan tugas yang paling hina, iaitu untuk membincangkan satu Akta dengan tujuan mengesahkan, membenarkan dan merestui tindakan salah, kejam dan zalim yang dilakukan oleh Executive. Tidak adalah yang lebih menyayat hati dan perasaan kita selain daripada kita diminta meluluskan tindakan yang bertentangan dengan Perlembagaan yang menyebabkan rakyat dihukum tanpa berdasarkan Undang-undang yang sah.

Perkara 5, Fasal (1) Perlembagaan dengan tegas menyatakan: "Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali menurut undang-undang." Sudah tentulah yang dimaksudkan dengan "undang-undang" di sini ialah undang-undang yang sah menurut Perlembagaan. Selama 8 tahun perkara sumbang dan kezaliman ini terus-menerus berlaku, sudah 8 tahun rakyat Malaysia dicengkam oleh beberapa undang-undang yang tidak sah, sudah 8 tahun sebilangan rakyat negara ini dihukum dengan undang-undang yang tidak sah pun begitu. Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional mendabik dada dan menyatakan bahawa merekalah orang yang paling layak memerintah dan merekalah yang paling kompetent menjalankan keadilan. Nah! Sekarang ini di mana mereka hendak membersihkan muka mereka dari keadaan yang memalukan ini. Tidak cukup dengan kesilapan yang telah mereka lakukan, mereka hendak menyeret pula Dewan ini supaya membenarkan kesilapan dan ketiadaan competency mereka menjalankan keadilan dan mengendalikan perjalanan Undang-undang. Tidak ada Ahli-ahli Dewan ini yang mempunyai maruah dan mempunyai hati nurani yang sanggup diperbodohkan begitu rupa sehingga mereka boleh diperalatkan untuk membenarkan dan merestui kesilapan Executive yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang lebih menampakkan ciri-ciri para wazir dalam cerita Musang Berjanggut.

Apabila kita menyentuh tentang hukuman yang tidak berdasarkan Undang-undang yang sah, kami bermaksud mempertahankan kebebasan warganegara dan juga keluhuran Undang-undang. Kami tidak bermaksud mempertahankan musuh-musuh, golongan-golongan yang mengganggu ketenteraman negara tetapi kami tidak dapat menerima musuh-musuh negara ini dihukum sesuka hati tanpa berdasarkan Undang-undang sepertimana yang dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional sekian lama dan bertindak tanpa berpandukan Undang-undang yang sah.

Kami mahu seperti mana yang dikehendaki oleh Islam, musuh-musuh negara itupun hendaklah dihukum mengikut keadilan. Justeru jika Kerajaan tidak sanggup dan berupaya menjalankan keadilan, maka Kerajaan itu sama bahayanya dengan musuh-musuh negara tersebut dipandang dari

kerosakan yang timbul daripada tindakan-tindakan yang zalim yang tidak berperaturan yang dilakukan oleh Kerajaan seperti ini. Kami berpendapat bahawa undang-undang bagi mencegah, menghukum dan menolak angkara-angkara musuh yang hendak merosakkan masyarakat dan negara adalah perlu dan Islam mempunyai peraturan bagi menghadapi keadaan seperti ini tetapi peraturan dan undang-undang itu mestilah berasaskan prinsip-prinsip keadilan dan ianya tidak mungkin dilakukan sewenang-wenangnya tanpa berdasarkan kaedah-kaedah dan suasana-suasana yang membenarkan peraturan seperti itu dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara tadi telah menerangkan latarbelakang Rang Undang-undang ini dikemukakan dan banyak menekankan soal ancaman komunis. Masalah ini bukanlah masalah yang baru bagi kita dan perbincangan mengenainya tidaklah seharusnya dikaitkan dengan keputusan Mahkamah Privy Council yang menjadi dorongan utama sidang ini dipanggil. Apa yang berkaitan dengan mahkamah Privy Council dan keputusan mahkamah Privy Council ialah tidak sahnya undang-undang yang telah dilaksanakan sehingga orang-orang yang dihukum di bawah undang-undang yang tidak sah itu teraniaya. Perkara yang lain yang berkaitan dengan itu ialah pencabulan Kerajaan ke atas kuasa Parlimen dengan melaksanakan peraturan-peraturan Perlu dengan tidak merujuk kepada Parlimen seperti yang dikehendaki oleh Perlembagaan. Latarbelakang itu jelas dan terang walaupun Yang Berhormat Menteri Undang-undang cuba hendak menyembunyikan di dalam pendahuluan dalam mengemukakan Rang Undang-undang ini.

Pada 15hb Mei, 1969, Yang di-Pertuan Agong telah berpuas hati bahawa satu darurat besar sedang berlaku dan ianya mengancam keselamatan negara. Baginda telah mengisytiharkan di bawah Perkara 100 Perlembagaan bahawa satu keadaan darurat sedang berlaku di seluruh Persekutuan oleh kerana pada masa itu Parlimen tidak bersidang. Yang di-Pertuan Agong telah menjalankan kuasanya di bawah Fasal 2 Perkara 150 Perlembagaan untuk mengisytiharkan pada hari itu juga Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1969.

Setelah Parlimen bersidang Ordinan itu terus-menerus dijalankan tanpa mendapat

kelulusan Parlimen. Amalan ini bertentangan dengan Perkara 150 (3) Perlembagaan yang menyebut: Perisytiharan Darurat dan apa-apa ordinan yang diisytiharkan di bawah Fasal 2 hendaklah dibentangkan dalam kedua-dua Majlis Parlimen dan, jika tidak terlebih dahulu dibatalkan, hendaklah terhenti berkuatkuasa jika ketetapan diluluskan oleh kedua-dua Majlis itu membatalkan Perisytiharan atau ordinan itu, tetapi dengan tidak menyentuh apa-apa yang dilakukan dahulunya menurut Perisytiharan atau ordinan itu atau dengan tidak menyentuh kuasa Yang di-Pertuan Agong mengeluarkan suatu Perisytiharan baharu di bawah Fasal 1 atau mengisytiharkan apa-apa ordinan di bawah Fasal 2.

Majlis Privy dalam mengemukakan judgement menyebut (*Dengan izin*):

“Once Parliament has sat on 20th February, 1971, the Yang di-Pertuan Agong no longer had any power to make essential regulations having the force of law. The Essential Security Cases (Amendment) Regulations, 1975 purport to alter in respect of security cases the amount of trial laid down by the Criminal Procedure Code. They are *ultra vires* the Constitution and, for that reason, void.”

Selama 8 tahun Kerajaan Barisan Nasional telah melanggar Perlembagaan dan menjalankan undang-undang yang tidak sah. Masa yang begitu lama di mana kekejaman itu berlaku tidak mungkin dapat dimaafkan dan tidak boleh dianggap sebagai salah teknik semata-mata seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara. Ini adalah membuktikan penyalahgunaan kuasa yang berterangan dan Kabinet adalah bertanggungjawab di atas penyalahgunaan kuasa ini. Bagi Kerajaan yang bermaruah dan tidak gila kuasa dan berkeyakinan bahawa kuasa yang diberikan kepada mereka itu sebagai amanah, sudah tentu akan meletakkan jawatan dan menyerah kembali kepada rakyat memandangkan bahawa mereka tidaklah mempunyai kemampuan yang mencukupi untuk menjalankan amanah yang besar ini untuk menggerakkan negara berdasarkan Perlembagaannya.

Seperti memang dijangka Kerajaan Barisan Nasional walaupun telah melakukan

kesalahan yang memalukan ini tidak akan berbuat demikian, sebaliknya hendak memperdayakan dan menjadikan Dewan ini sebagai alat untuk membenarkan tindakan mereka yang tidak menurut Perlembagaan itu. Untuk menjaga nama baik Dewan ini dan kehormatannya, Dewan ini tidaklah boleh meluluskan Rang Undang-undang ini dengan cara retrospective, terutamanya yang berkaitan dengan kes jenayah atau kes-kes keselamatan mana yang dikehendaki oleh Akta yang dibentangkan iaitu Fasal 1 (2) yang menyebutkan:

“Akta ini hendaklah disifatkan bagi semua maksud sebagai telah mula berkuatkuasa pada 20hb Februari, 1971.”

Meluluskan Undang-undang ini dengan retrospective seperti ini bertentangan dengan roh dan prinsip undang-undang di mana orang-orang yang melakukan sesuatu perbuatan yang belum disahkan sebagai satu kesalahan oleh mana-mana undang-undang tidak boleh dianggap perbuatan itu sebagai satu kesalahan. Jika perbuatan orang itu dianggap mengancam keselamatan negara dengan membawa senjata misalnya atau lain-lain perbuatan dan Kerajaan terus hendak mendakwanya, sepatutnya Kerajaan bukan bertindak membelakangkan tarikh kuatkuasa undang-undang ini, tetapi dengan membicarakan mereka di bawah undang-undang yang telah sah sewaktu orang itu melakukan kesalahan.

Dewan ini haruslah menimbangkan bahawa Akta ini dikemukakan dengan tujuan untuk meluluskan peraturan-peraturan atau regulations yang dibuat bagi menghadapi keadaan darurat, 1969. Adakah peraturan ini sesuai untuk diamalkan dalam keadaan sekarang yang tidak lagi sama dengan keadaan pada masa ianya digubal? Dengan lain perkataan, adakah sekarang ini negara benar-benar di dalam keadaan darurat seperti yang dianggapkan oleh Kerajaan walaupun ada ancaman-ancaman terhadap keselamatan negara adakah keadaan yang timbul dari ancaman itu sama kadarnya dan peringkatnya dengan keadaan di mana darurat diisytiharkan dalam tahun 1969. Untuk menghadapi ancaman-ancaman ini adakah sesuai digunakan Undang-undang Darurat 1969 dengan beberapa pindaan yang telah dibuat dalam tahun 1975 di bawah The Essential (Security Cases) (Amendment) Regulations, 1975 yang menjadi kandungan Akta yang dikemukakan hari ini? Keadaan

sekarang berbeza dengan keadaan tahun 1969 yang mana undang-undang digubal di waktu itu hendak dipaksakan ke atas keadaan sekarang ini, undang-undang itu bukan tidak sesuai tetapi juga mengandungi perkara-perkara yang tidak layak dalam keadaan di mana Parlimen dapat menjalankan tugas-tugasnya.

Fasal 2 (1) dengan jelasnya menunjukkan kuasa yang terlalu besar hendak diberikan kepada Executive dan memberi kesan kepada sistem berparlimen sehingga Parlimen dilihat dari segi ianya telah memberi kuasa yang besar itu kepada pihak berkuasa Executive tidak lagi mempunyai makna dan peranan yang berkesan, terutamanya Fasal 2 (2).

Fasal 2 (2) yang berbunyi:

“(2) Dengan tidak menyentuh keluasan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-kecil di atas, Peraturan-peraturan Perlu, setakat mana yang pada pendapat Yang di-Pertuan Agong adalah perlu atau bermenafaat bagi mana-mana daripada maksud-maksud yang disebut dalam seksyen-kecil itu, boleh

(j) membuat peruntukan bagi meminda mana-mana undang-undang bertulis, menggantung perjalanan kuatkuasa mana-mana undang-undang bertulis dan bagi memakai mana-mana undang-undang bertulis dengan atau tanpa pengubahsuaian.”

Peruntukan ini jika diluluskan di dalam keadaan sekarang untuk diamalkan ianya memberi kesan bahawa satu sistem baru pemerintahan telah diperkenalkan iaitu pemerintahan berdasarkan Parliamentary dictatorship. Pelaksanaan sistem pemerintahan yang baharu ini menunjukkan dengan terang bagaimana pemimpin-pemimpin Barisan Nasional tersangat giliran kuasa, pada hal dalam keadaan sekarang ini, Parlimen boleh membincangkan dari masa ke semasa keperluan undang-undang untuk menghadapi masalah-masalah keselamatan tanpa memberi kuasa yang terlalu luas kepada pihak Executive. Saya tidak mengerti bagaimana pemimpin Barisan Nasional melihat Parlimen ini sehingga tergamak menggunakan Akta yang meminta diharuskan kesalahan dan kezaliman yang dilakukan oleh mereka dengan menjalankan pentadbiran negara dengan tidak berdasarkan undang-undang yang sah.

Selain daripada hendak menjadikan Dewan ini pak sanggup untuk melarikan diri daripada ianya didakwa, perkara yang dibincangkan sekarang ini sama dengan kes zina yang telah melahirkan banyak anak-anak haram dan kemudian meminta Kadi supaya menghalalkan zina yang telah dilakukan dan menganggap perbuatan bersekedudukan yang telah dilakukan dahulu itu sebagai sah setelah ia diijabkabul semula beberapa tahun kemudian.

Kerajaan Barisan Nasional telah mengujudkan undang-undang haram hasil daripada perzinaan undang-undang yang dibuat berdasarkan nafsu, kemudian setelah menyedari kesalahan itu datang ke Parlimen ini untuk diijabkabulkan dan meminta pula perzinaan yang dilakukan dahulu itu sebagai halal. Apakah Dewan ini, Dewan yang mulia ini rela menjadi pak sanggup seperti yang diminta itu? Saya faham sekiranya Parlimen tidak merestui kesilapan Executive selama 7 tahun yang lalu itu, Kerajaan boleh didakwa oleh rakyat yang telah dihukum di bawah Ordinan yang tidak sah untuk mengelakkan diri dari didakwa, pihak Executive pula juga menggunakan Dewan ini supaya ia tidak boleh didakwa. Sepatutnya Dewan ini yang ber-sidang hari ini dan sewajarnya bagi Dewan ini demi untuk menjaga kehormatannya supaya ia tidak dinodai oleh kerakusan pihak Executive kepada kuasa yang cuba meletakkan dirinya sebagai golongan yang tidak berdosa. Sepatutnya Dewan ini menghukum pihak Executive yang melanggar batas Perlembagaan dan mendera mereka yang terlibat dalam mengenakan hukum-hukum ke atas rakyat tanpa berdasarkan undang-undang.

Dewan ini jika hendak menjaga kehor-matannya hendaklah memastikan bahawa orang yang telah dihukum di bawah undang-undang yang tidak sah itu sebagai orang yang telah teraniaya dan segala conviction yang telah disebutkan di bawah Ordinan yang tidak sah itu hendaklah dihapuskan.

Berdasarkan kepada kecuai-an dan ketiadaan competency pihak Executive dalam mentadbirkan undang-undang dan men-jalankan kehendak-kehendak Perlembagaan, Parlimen hendaklah lebih berhati-hati lagi dalam memberi kuasa kepada pihak Executive terutama setelah ia dengan terang-terang menunjukkan ketiadaan kewibawaan di dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikannya

sehingga menyalahgunakan kuasa itu dan mengabaikan Parlimen yang memberi kuasa-kuasa kepadanya.

Berdasarkan pengertian bahawa keadilan hendaklah dijalankan walaupun ke atas musuh dan keruncingan perhubungan serta kebencian terhadap satu golongan tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak bersikap adil sepertimana yang disebutkan di dalam Al-Quran, dengan izin; "Walayajriman nakum shana nukaumin ala all takdillu akalillu huak rabuli taqwa" ertinya, "Dan janganlah kemarahan kepada sesuatu kaum itu men-jerumuskan kamu supaya tidak berlaku adil. Berlaku adillah kerana ia lebih hampir kepada takwa."

Berdasarkan kepada prinsip keadilan ini dan walaupun kami patut memusuhi setiap golongan yang memusuhi negara dan men-jalankan kerosakan di bumi Allah s.w.t. ini berdasarkan keyakinan bahawa sesuatu hukum yang dikenakan ke atas manusia, tidak mengikut peraturan yang sah, orang yang terhukum itu sebenarnya telah teraniaya. Maka kami menuntut supaya orang yang telah dihukum di bawah peraturan yang tidak sah itu hendaklah dibebaskan dan mereka hendaklah diberi segala hak untuk menuntut keadilan kerana kerosakan yang menimpa mereka akibat daripada hukuman yang dikenakan ke atas mereka secara tidak sah. Di samping itu Kerajaan terus mempunyai hak untuk mendakwa musuh-musuh negara di bawah mana-mana ordinan dan di mana-mana peraturan yang telah sah dan telah diakui. Oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional tidak menunjukkan keupayaan di dalam menghormati undang-undang dan telah mencabul hak-hak asasi manusia dengan menghukum mereka tidak berdasarkan undang-undang yang sah sepertimana yang dikehendaki oleh Perkara 5 Perlembagaan maka Kerajaan Barisan Nasional hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya di atas kezaliman itu, dan menyerah kembali mandat kepada rakyat dan hendaklah meminta maaf secara terbuka kepada orang-orang yang telah teraniaya dan kepada rakyat umumnya.

Saya berpendapat Parlimen hendaklah menumpukan perbahasan pada hari ini kepada pelanggaran pihak Kerajaan terhadap peruntukan Perlembagaan ini. Kerana ini merupakan perkara yang sangat besar yang telah menukarkan sistem negara

ini kepada satu bentuk pemerintahan baru yang tidak sesuai dengan sistem demokrasi Parlimen dan meletakkan Parlimen ke taraf pak sanggup dan menjustifykan kemungkinan-kemungkinan yang dilakukan oleh pihak Executive. Adapun peruntukan-peruntukan perlu yang lain yang hendak dikanunkan, hendaklah dibincangkan pada waktu yang lain dengan memberi peluang dan masa yang lebih untuk membincangkan apakah peruntukan-peruntukan seperti ini diperlukan di dalam keadaan negara kita dalam keadaan yang ada sekarang ini.

Keadaan yang ada sekarang ini hendaklah dikaji oleh Parlimen dengan sejelas-jelasnya dan tidak hanya boleh bergantung kepada dakwaan-dakwaan pihak Executive sahaja, kerana memang lumrah pada kita jika sekiranya Kerajaan hendak meminta kuasa-kuasa yang lebih besar kepadanya maka Kerajaan mengatakan bahawa negara kita sekarang ini sedang diancam oleh satu keadaan dan ianya berada di dalam keadaan darurat. Sebaliknya jika rakyat menyuarakan bahawa Kerajaan tidak dapat menghadapi, tidak dapat menghapuskan musuh-musuh negara maka Kerajaan akan mengeluarkan kenyataan-kenyataan bahawa negara ini sedang berada di dalam keadaan keamanan. Jadi kita tidak boleh mempercayai semata-mata kepada statement-statement kenyataan-kenyataan dari pihak Executive kerana dilihat daripada kenyataan-kenyataan mereka itu adalah bercanggah dan kerana itulah keadaan yang sebenarnya hendaklah dipertimbangkan dengan sehalus-halusnya untuk kita menentukan samada Akta yang seperti ini atau Rang Undang-undang Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) yang seperti ini sangat mustahak diadakan, kerana jika sekiranya kita mengamalkan atau kita meluluskan serta menjalankan Undang-undang Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) di dalam keadaan-keadaan di mana sebenarnya negara kita di mana keadaan keamanan tidak memerlukannya maka kita telah melakukan kezaliman dan kita telah menyekat kebebasan warganegara yang dijamin oleh Perlembagaan dan apa lagi sekiranya Parlimen ini memberikan kuasa yang begitu luas kepada pihak Executive untuk menjalankan undang-undang, untuk menjalankan tindakan-tindakan yang sudah semestinya ia seperti mana yang dibuktikan daripada kesalahan-kesalahan ini ia telah menyalah-gunakan kuasa.

Oleh yang demikian, lagi sekali ditegaskan bahawa kami adalah juga memusuhi orang-orang yang memusuhi negara, tetapi kami yakin bahawa dalam menghadapi musuh-musuh negara inipun perlulah berdasarkan kepada keadilan dan perlulah undang-undang yang dibentuk untuk menghadapi musuh-musuh ini berdasarkan prinsip-prinsip keadilan dan tidak seharusnya berlaku dengan sewenang-wenangnya, berdasarkan kehendak dan keinginan yang tidak terkawal dan tidak terbatas.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya sudah dengan Wabillahi taufik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru.

5.21 ptg.

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Bahru): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian untuk menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya agak terkejut sedikit dengan perkataan-perkataan yang telahpun dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi di atas satu usul yang begitu senang sekali untuk kita faham.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi telahpun menggunakan perkataan-perkataan "arrogance of power," "dictatorial," sikap "Heads I win, tails you lose" yang telah dilemparkan kepada pihak Kerajaan. Tetapi selepas beliau melemparkan tuduhan-tuduhan kesat ini, sebagai seorang pengecut, beliau pun telah keluar dari Dewan, tidak mahu dengar lagi hujah-hujah dari kita. Tetapi yang lebih mengejutkan lagi dan rasa kesal saya ialah mengenai ucapan yang baru sahaja disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling. Banyak ayat-ayat Quran yang beliau telah lafazkan, sedap juga didengar, tetapi di sebaliknya banyak pula bisa-bisa yang telah keluar dari mulut yang telah melafazkan ayat-ayat Quran itu. Huruf-huruf seperti zina, noda, menuduh Kerajaan sebagai zalim, kejam dan sebagainya.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli dari Pembangkang ini tidak faham tentang Rang Undang-undang yang dibentangkan ini atau sengaja tidak mahu faham.

Jelas pada saya mereka ini adalah merupakan dan telahpun menunjukkan sikap mereka sebagai political opportunist yang paling rendah sekali (*Tepuk*), tetapi saya tidaklah mahu balas dengan perkataan-perkataan yang telahpun mereka katakan tadi kerana kita sama-sama bertanggungjawab untuk menjaga maruah Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1969 telahpun diadakan untuk menyelamatkan negara kita. Kalau kita tidak ada ordinan pada masa itu sudah tentulah negara kita akan berpecah, mungkin kita ada civil war dan sebagainya dan dengan adanya ordinan-ordinan ini kita telahpun dapat menangkap dan menghukum pengkhianat-pengkhianat negara, orang-orang komunis, pengedar dadah, gangster dan sebagainya. Tetapi sebagai sebuah Kerajaan yang adil kita telahpun memberi peluang yang seluas-luasnya kepada musuh-musuh negara ini untuk membela diri mereka, dari Magistrate's Court ke High Court, dari High Court ke Federal Court dan seterusnya kepada saki baki penjajah yang masih ada di dalam Privy Council, London.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah diputuskan oleh Privy Council adalah senang sekali, adalah satu perkara yang begitu jelas sekali. Mereka bukanlah menyatakan yang kita ini bertindak zalim ataupun mengadakan miscarriage of justice itu bukanlah keputusan Privy Council, Keputusan Privy Council telah menyatakan bahawasanya, dengan izin:

"The charges are good in law," cuma "the trial is nullity." Bermakna mereka itu memang salah di atas tuduhan-tuduhan yang telahpun dikemukakan. Kalau tuduhan itu berdasarkan bahawasanya mereka itu komunis, maka salahlah mereka itu sebagai komunis. Tetapi kalau mereka itu salah sebagai orang-orang yang membawa senjata di tempat-tempat yang telahpun diisytiharkan sebagai tempat darurat maka mereka salahlah di atas tuduhan-tuduhan itu, tetapi hanya undang-undang itu telahpun digubalkan di bawah ordinan selepas Parlimen bersidang pada 1hb Februari, 1971, bermakna dari segi teknikalnya salah, jadi adalah soal teknikal semata-mata, soal kecil sangat—soal teknikal. Apabila keputusan itu telahpun dibuat, Kerajaan terpaksa memilih adakah kita hendak melepaskan musuh-musuh negara ini, adakah kita hendak melepaskan komunis, adakah kita hendak melepaskan pengedar

dadah, adakah kita hendak melepaskan musuh-musuh negara yang lain ataupun kita hendak perbetulkan kesilapan teknikal yang kecil itu dan dengan itu menyelamatkan negara kita. Itu sahaja, yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang di Parlimen hari ini, kita cuma hendak memperbetulkan masalah teknikal yang kecil kerana, tidak ada miscarriage of justice kerana mereka memanglah telah dituduh sebagai orang yang salah dan Privy Council juga telah upheld bahawasanya tidak ada miscarriage of justice. Jadi, tuduhan-tuduhan yang telahpun dilemparkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling dan juga dari Baling itu memang tidak berasas sama sekali.

Kita harus juga tahu dalam sistem undang-undang yang kita amalkan. Kita semua sedar bahawa Privy Council dan Mahkamah-mahkamah Federal dan sebagainya memang telahpun diberi sesuatu peranan untuk memperbetulkan dan mengisi kekosongan dalam undang-undang. Dengan izin: The Privy Council dan mahkamah-mahkamah yang lain memang mempunyai complementary role in framing the laws of a country. Di sini jelas sekali bahawasanya Privy Council telahpun menunjukkan kepada kita bahawasanya undang-undang itu kalau kita hendak membuat selepas Parlimen mula bersidang haruslah dijadikan suatu Akta Parlimen. Ini mereka telah menunjukkan kepada kita dan kita sedang memperbetulkan undang-undang itu dan cara-cara itu. Ada kalanya pula, kebanyakan boleh dikatakan, appeal kepada Privy Council telahpun diluluskan, (upheld). Jadi, bukanlah bermakna ini suatu Kerajaan yang zalim.

Satu lagi perkara yang telahpun dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli Pembangkang ini tadi bahawasanya keadaan dalam Malaysia ini bukanlah harus diisytiharkan sebagai suatu keadaan darurat. Pada pendapat saya jelaslah dari angka-angka statistik yang telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang tadi keadaan dalam Malaysia ini haruslah terus menerus dianggap sebagai berada dalam keadaan darurat, tetapi saya berpendapat ada suatu lagi perkara yang harus kita perhitungkan juga iaitu perkara datangnya dari keadaan yang terdapat di sekeliling Malaysia pada masa ini. Ringkasnya dari keadaan yang terdapat dalam rantau ini, kita telahpun bersama-sama membaca bagaimana

dalam masa dua minggu sahaja sebuah negara yang bernama Vietnam telahpun menakluki sebuah negara yang lain yang merdeka dan berdaulat iaitu Kemboja—dua minggu sahaja. Dan kita sama-sama tahu bahawasanya Pantai Timur Semenanjung Malaysia adalah merupakan pantai negara ASEAN yang paling dekat sekali dengan Peninsular atau Semenanjung Camau, dengan Ho Chi Minh City dan juga dengan pantai Kemboja. Bermakna dunia komunis begitu dekat sekali dengan negara kita, dengan pantai kita. Dari Ho Chi Minh City, dari Phnom Penh terus menerus musuh-musuh kita dapat ikut jalan daratan sampai ke Peking dan juga ke Moscow.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, berasaskan ini sahaja, walau bagaimana tenteramnya sekalipun keadaan dalam Malaysia, berasaskan keadaan ini di rantau ini sahaja, perlulah kita terus-menerus mengisytiharkan Malaysia ini berada dalam keadaan darurat, sehingga keadaan dalam rantau ini stabil, sehingga kita benar-benar yakin dengan sikap baik negara-negara komunis yang berjiran dengan kita, maka selagi itulah saya percaya keadaan darurat haruslah dikekalkan.

Jadi memandangkan alasan-alasan ini, saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Kepong.

5.31 ptg.

Dr. Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Pembangkang telah melupakan masa darurat pada Mei, 1969 sebab langkah yang Kerajaan telah ambil untuk memulihkan Parliamentary Democracy ialah amat berkesan dan menyebabkan kesusahan minima pada mereka dan rakyat umumnya.

Semenjak Mei, 1969 kita telah mengadakan dua pilihanraya umum dengan amannya dan juga mengalami tukaran pimpinan Kerajaan tanpa apa-apa kejadian yang buruk. Element-element anti-sosial dan subversif telah juga dibicarakan dengan berkesan. Sungguhpun Kerajaan telah membuat satu kesilapan dalam judgment dengan tidak merujuk kepada Parlimen soal kebetulan teknikal bagi menggunakan Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1969 selepas 20hb Februari, 1971,

tetapi saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa jika kita memberikan penjelasan terus terang dan dengan jujur kepada rakyat dan memberikan mereka hakikatnya, rakyat akan terima dan sokong atas Bil ini. Tidak ada sesiapa yang sempurna akal yang mahu mengembalikan pemerintahan N.O.C. itu dijalankan, tidak ada siapapun mahukan lawlessness, satu situasi di mana adanya pertengkaran dan gun battles di antara element anti-sosial dan pihak berkenaan menjadikan lakuan biasa.

Tuan Yang di-Pertua, ada negara jiran kita, yang kita tentu sedar bahawa untuk keluar berjalan seorang itu perlu membawa senjata (pistol) bersamanya untuk melindungi nyawanya sendiri. Saya ingin bertanya mahukah kita cara kehidupan semacam ini? Memangnya ada sebahagian rakyat yang akan dibela atas morality dan baik buruknya Bill ini. Saya ingat lagi bahawa apabila soal capital punishment dikuatkuasakan dalam setengah-setengah negara lain emosi yang telah dimainkan itu ialah begitu besar hingga diadakan satu perbahasan besar, akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dalam final analysis, kuasa praktik dan realistik menang juga. Tidak ada sesiapa pun suka undang-undang tarikh kuasanya ditukarkan ke belakang, tetapi kita adalah menghadapi dengan masalah khas dalam region di mana keamanan, keselamatan kita sendiri hendak diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada siapa pun mahu negara kita menderita nasib seperti Kampuchea. Tidak ada siapapun boleh memberi jaminan bahawa kita tidak akan diwujudkan, dengan ini kita mesti mengambil langkah untuk menjamin kestabilan dan keselamatan kita sendiri. Kita tidak merasa takut dan panic, kita hanya mengamalkan atau cautious positif dalam tindakan kita.

Saya yakin bahawa rakyat biasa akan memberi sokongan penuh atas langkah yang telah diambil itu untuk menjaga seterusnya keselamatan dan kestabilan kita dalam region ini untuk jenerasi yang akan datang. Pihak Pembangkang akan detract dari ini. Mereka akan menggunakan percibaraan moral dan falsafah untuk menentang Bil ini. Alasan-alasan yang disebutkan oleh Pembangkang tidak laku di dalam tiori atau praktikal. Aspek yang sebenarnya dan praktik ialah amat sukar untuk diimplimentasikan. Saya rasa rakyat

tidak akan tertarik dengan cara percakapan Parti Pembangkang itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

5.37 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri pada petang ini adalah sebagai satu hadiah kepada rakyat Malaysia yang ingin kepada perdamaian dan kepada kebaikan, baik pada tahun Masihi ataupun tahun Hijrah dan boleh jadi juga pada Tahun Baru China yang akan datang tidak berapa lama lagi. Saya berpendapat begitu kerana bagi rakyat Malaysia dan bagi tiap-tiap manusia fikirannya waras dan hati perutnya baik, dia selalu suka kepada perdamaian, kebaikan dan kemakmuran. Mengenai parti mana memerintah dan siapa memerintah, itu adalah sebagai landasan ataupun alat untuk kematlamatan itu.

Saya kata begitu, Tuan Yang di-Pertua, sebab kadang-kadang bila saya kata dan apa yang saya akan katakan sebagai Wakil Rakyat seolah-olah rakyat tidak setuju, sebaliknya rakyat setuju. Di masa MAGERAN pada tahun 1969 siapa yang bersalah boleh ditangkap dan didenda. Pendek kata, masa itu segala pembangunan berlaku dengan pesat dan kepadatan ramai di antara rakyat yang mengatakan kalaulah keadaan yang semacam ini biarlah MAGERAN sampai bila-bila, asalkan matlamat yang kita tuju ialah keselamatan. Tetapi kita tidak mahu Kerajaan kita dikatakan Kerajaan diktator sebagaimana yang dikatakan oleh setengah-setengah Ahli Yang Berhormat. Kita mahu pemerintahan cara demokrasi, sebab itu selepas MAGERAN daripada 13hb Mei, 1969 sampai 20hb Februari, 1971 kita bukannya balik demokrasi dan kita boleh berperti

seperti yang ada pada hari ini. Selepas daripada MAGERAN pada tahun 1969 pilihanraya telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1974 dan tahun 1978. Rakyat telah membuat keputusan dengan hati dan fikiran yang waras dengan tidak dipaksa, maka parti Barisan Nasional pada tahun 1974 telah memerintah dan pada tahun 1978 juga telah memerintah sebagaimana kita memerintah pada hari ini.

Saya amat kesal dan dukacita, Tuan Yang di-Pertua, kawan-kawan kita daripada parti Pembangkang baik daripada DAP dan juga daripada Parti PAS. Ahli daripada DAP khususnya ditunjukkan kepada Kabinet tentang kuasa Eksekutif dan sebagainya dan Ahli dari Baling menghentam Kabinet dan Eksekutif, dia tuduh yang Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional seolah-olah pak sanggup dan buta tuli dalam Dewan ini. Saya amatlah sedih atas tuduhan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini kita memerintah secara demokrasi. Tuan Yang di-Pertua, yang ada di sana ialah wakil Barisan Nasional dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Begitu juga Yang di-Pertua Dewan Rakyat walaupun bukan Wakil Rakyat tetapi ia ditunjuk oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Ketua Barisan Nasional. Kalau Dewan Rakyat yang mulia ini boleh parti Pembangkang, baik DAP dan juga PAS, Ahli dari Baling tadi yang mengatakan perkataan-perkataan yang agak saya seolah-olah tidak sanggup didengar, merah telinga, merah muka begitulah perkataannya. Kita boleh dengar walhalnya segala-galanya kita berkuasa, orang kita menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan tetapi kita tidak larang mereka bercakap apatah lagi dalam masyarakat kampung di masa pilihanraya lebih daripada itu. Kalau dalam Dewan ini kita berkuasa kita tidak larang apatah lagi di dalam kampung, dalam masyarakat tidak siapa yang melarang mereka bercakap dan tidak siapa yang melarang rakyat daripada tidak mengundi parti mana yang mereka akan undi. Jadi apa yang dituduh oleh Wakil Baling tadi seolah-olah Wakil Rakyat pak sanggup bererti dengan sendirinya dia tuduh majoriti rakyat Malaysia ialah pak sanggup. Saya harap kalau dapat tarikhlah balik perkataan itu, jangan dikata dengan sewenang-wenangnya apa yang hendak kita kata, Tuan Yang di-Pertua.

Saya sungguh-sungguh sedih, saya bersetuju dengan pendapat yang dibawa oleh Wakil dari Kulim-Bandar Bahru tadi, banyak ayat yang dipetik. Saya biasa berkata manusia berkuasa membawa manusia ke jalan kebaikan, kita tidak menafikan berkuasa membawa manusia ke jalan kejahatan, sebagaimana wang membawa manusia untuk membuat kebaikan dan wangling juga membawa manusia membuat kejahatan, itu kita tidak boleh nafikan. Tetapi saya amat dukacita mengikut pendapat Ahli dari Baling tadi seolah-olah ia mentafsirkan yang kuasa yang ada pada kita, kita salahgunakan, kita akan membuat kejahatan, tetapi saya berpendapat kuasa yang diamanahkan oleh Tuhan dan diundi oleh rakyat kepada kita kita akan membuat kebaikan dan bukan kita akan membuat kejahatan. Tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi salah faham agak saya, selagi manusia dinamakan manusia, tidak ada satu benda yang boleh disamakan pendapat, sebab itulah Tuhan menjadikan sebagaimana saya biasa kata dalam Dewan ini ada perbandingan semua: lelaki-perempuan, siang-malam, syurga-neraka. Ini adalah Tuhan jadikan, kerana manusia ini tidak sama pendapat sedangkan jari yang lima pun tidak sama; kecil-besar, tinggi-rendah, ini pula manusia. Ini tentu tidak sama; ada yang suka baik dan ada yang jahat, tetapi bagi kita sebagai parti pemerintah tanggungjawab kita ialah untuk mengamankan rakyat, tanggungjawab kita untuk membahagikan rakyat, tanggungjawab kita untuk memakmurkan rakyat, tetapi pada segi keseluruhan kalau rakyat tidak aman, kemakmuran tidak akan tercapai, kebahagiaan tidak akan tercapai.

Misalnya, bagaimana gebunya satu tilam yang sedap kita tidur tetapi tidak lena dengan sekecil nyamuk sekalipun kalau mengigit sampai siang. Ini manusia, dia hendak kepada kebahagiaan dan keamanan dan negara kita, saya percaya dengan undang-undang yang kita adakan ini, matlamat kita hendakkan keamanan, matlamat kita hendakkan kebahagiaan. Kalau negara kita aman, tiada penceroboh, tiada kacau-bilau, saya percaya pelabur luar dan sebagainya akan masuk lagi dengan banyak ke negara kita. Tetapi kalau satu negara yang selalu berlaku pencerobohan, samun, rompak, yang menjadi taukeh selalu dikidnap, yang bekerja selalu disamun, pegawai ditangkap, tidak ingin manusia manapun hendak bekerja di negara

kita baik dalam Malaysia apatah lagi yang di luar daripada Malaysia.

Jadi atas dasar yang telah dikemukakan Rang Undang-undang ini, saya berpendapat amatlah baik dan amatlah sesuai dan saya juga berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, negara kita kalau hendak dibandingkan dengan negara-negara luar yang berjiran dengan kita, saya tidak payah sebut negara-negara jiran itu, tetapi sejak kita merdeka daripada 31hb Ogos sampai sekarang walaupun pada satu ketika kita memerintah secara MAGERAN tidak lebih daripada dua tahun, namun cara demokrasi kita tidak pernah hilang. Tetapi negara jiran kita yang berhampiran, saya tidak payah sebut satu persatu, ada setengah-setengahnya Perdana Menteriya memerintah sampai tiga bulan kena guling dan kadang-kadang jenderalnyanya menjadi Perdana Menteri memerintah cara tentera dan sebagainya, perintah secara Di Raja yang penuh kuku besi dan sebagainya. Tetapi kita negara Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai salah seorang rakyat Malaysia saya berasa bertuah dengan keadaan negara kita yang ada pada hari ini. Saya berpendapat sebagai manusia sifat baharu dijadikan Tuhan waima manusia biasa atau pemerintahan tentulah tidak lengkap sebagai kuasa Tuhan sifatnya dan segala-galanya, kita manusia kita bersifat baharu. Dengan sebab itu kita buat undang-undang dengan cara setakat yang boleh kita buat dan kita ada dengan peraturan seperti Raja, Menteri dan sebagainya.

Saya berasa dukacita sebagaimana yang dikatakan oleh pihak Pembangkang tadi seolah-olah Wakil Rakyat kita menjadi pak turut dan seolah-olah undang-undang yang dibuat dengan tidak memanggil mesyuarat dengan serentak, misalnya, pada 13hb Mei, 1969. Bagaimana di kala itu, Tuan Yang di-Pertua, hendak panggil mesyuarat dengan serentak sedangkan hendak datang di Kuala Lumpur bermesyuarat, di sana sini penuh dengan tembakan meriam dan sebagainya. Kita tahu di Kuala Lumpur pada masa 13hb Mei seolah-olah hendak jadi padang jarak padang terkukur, pada masa itu hendak panggil mesyuaratkah? Saya tidak erti dan saya fikir mengapa mereka ini tidak tahu sejarah Malaysia yang tidak lebih daripada 15 tahun dan setengah parti Pembangkang yang bercorak keagamaan pula saya tidak mahu kata mereka ini tidak berfikir, tetapi boleh

jadi sebagaimana kata Ahli dari Kulim-Bandar Bahru seolah-olah tidak mahu berfikir. Hukum Tuhan kita tahu, hukum Tuhan yang haram tetap haram yang halal tetap halal. Tetapi ada kala benda yang haram kalau keadaan memerlukan, kena buat asal benda itu menjadi manfaat dan balik. Ini hukum Tuhan yang kata Tuhan maha berkuasa maha penyayang. Tuhan berfirman kalau keadaan darurat kau buatlah apa-apa asal menyelamatkan daripada darurat dan mala petaka. Itulah cara Islam. Tetapi saya amat dukacita memandangkan kepada setengah orang Islam. Islam ini bukan setakat cakup sahaja. Islam ini dengan perbuatan. Kalau dengan perbuatan itu khianat hendak kata sahaja aku Islam aku baik itu dan ini, sebab ini saya tidak tuduh mana-mana orang tetapi biasa yang berlaku di masa Nabi, selepas Nabi wafat inilah yang kita kata munafik.

Ada setengah orang dengan memakai serban Islam dan sebagainya hati perutnya tidak beriman itu yang dituduh sebagai munafik. Ini kita mahu hati perut, saya amat dukacita, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu cara pemerintahan Islam kalau seorang itu mencuri dipotong tangan tetapi syaratnya betul-betul masa itu dia Islam dan beriman, dia mengaku kerana dia buat, saksinya itupun betul orang beriman.

Saya tidak hendak kata Islam atau tidak Islam, kalau hendak banding dengan Islam di masa Nabi, mereka tidak masuk mana-mana agama, tetapi penerangan daripada Nabi yang tulen mereka faham betul-betul, aku masuk Islam, aku yakin aku masuk syurga, benda ini baik benda ini tidak baik. Tetapi hari ini, saya tidak mahu kata bukan Islam, kita hari ini kebanyakan boleh jadi Islam baka, otomatis Islam kerana bapak Islam, emak Islam, maka anak Islam tetapi tidak tahu apapun. Tambahan pula kalau gunakan nama Islam habislah kita kerana politik di Malaysia ini saya berpendapat baik politik parti manapun, Tuan Yang di-Pertua, dia menggunakan tiga saluran. Satu saluran bangsa, kedua saluran fanatik keagamaan yang ketiga kebendaan ini kita tidak boleh nafi, ada setengah dia guna fanatik keagamaan walhal kita sama-sama Islam. Kalau hendak dibandingkan PAS dengan UMNO dalam Malaysia ini, selain daripada Barisan Nasional, undi Melayu di Semenanjung Malaysia kalau tidak silap saya

75 Wakil Rakyat: 70 UMNO, 5 PAS yang kesemuanya ini Melayu tulen termasuk wakil dari Kangar—Melayu tulen tetapi Barisan Nasional, dia bukan ahli PAS. Saya tidak mahu dikatakan saya bukan Islam. Jadi dengan sebab itu saya berharap apa yang dikatakan tadi hendaklah diteliti dengan sehabis-habis baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Rang Undang-undang ini juga akan menjadi kebaikan kepada negara kita Malaysia. Rakyat di kampung, sepertimana dikatakan oleh saudara saya dari Maran tadi, kenalah diberi penerangan supaya mereka ini jangan salah faham. Saya berpendapat, kalaulah pada petang ini kita minta bubarkan Dewan Rakyat, mengadakan pilihanraya baharu bersabit dengan Rang Undang-undang yang kita kemukakan ini, saya yakin rakyat lagi akan menyokong, kerana rakyat hendakkan keamanan, mereka hendak kemakmuran, mereka tidak peduli hendak menjadi Wakil Rakyat, seperti kita ini ada 154 orang, hendak menjadi Menteri tidak lebih daripada 23 orang. Rakyat hendakkan keamanan, hendakkan kemakmuran, hendak menjadi Menteri bukan ia menjadi Wakil Rakyat katanya, mereka hendakkan keamanan.

Biasanya saya dengar di merata tempat, bahawa siapa yang bersalah, kata rakyat: hukumlah, inilah dia undang-undang yang adil. Yang kita hendak hukum ini bukan hendak hukum kepada siapa yang tidak bersalah, siapa yang tidak bersalah tidak payah takut, tetapi yang takut ialah siapa yang bersalah. Kita buat undang-undang ini hendak hukum siapa yang bersalah, tetapi yang kita berasa sedih tadi, sebagaimana kata Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru, katanya selepas dua tiga undang-undang pergi ke Privy Council dan sebagainya, ini hak penjajah. Saya macam hendak bersetuju apa yang dikatakan itu. Kerana pendapat saya Kerajaan yang adil tadi, ia mengikut keadaan yang sesuai. Kalau kita tengok keadaan dalam negara kita, tidaklah payah mengambil keputusan daripada negara lain. Seseorang yang pandai dalam politik, dia pandai mengikut keadaan, kerana sesuatu benda itu, tidak akan berjaya, melainkan dengan keadaan. Hingga biasa saya kata, hendak naik motokar itupun mengikut keadaan, kalau jalannya itu elok, boleh deras sampai, kalau motokarnya baik. Tetapi kalau motokarnya

buruk, jalan hendak deras, maka terbakarlah motokar itu di tengah jalan, begitu jugalah keadaan negara.

Jadi, kesimpulannya kita akan menghukum siapa yang bersalah. Dan mengikut Tuhan kalau orang bersalah, kita hukum, itulah yang adil. Yang bersalah, kita tidak hukum, itu kata orang tidak adil bagi pemerintah. Yang pandai memerintah, siapa yang bersalah: kena hukum; siapa yang buat kebaikan, dibagi balasannya, itulah keadilan.

Akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya berharap sebagaimana kata wakil dari Kulim Bandar Bahru tadi, saya juga sependapat dengannya. Pada hari ini lihat negara jiran kita telah jatuh ke tangan sebuah negara lain, dan kita juga berasa takut bahawa laut di Pantai Timur Semenanjung kita banyak dimasuki oleh pendatang-pendatang haram. Saya takut, Tuan Yang di-Pertua, kerana manusia ini kadang-kadang dia hendak cari untung. Apa akibatnya kalau negaranya ia tidak peduli. Kalau tidak silap saya, saya biasa dengar tok-tok guru yang biasa mengajar, cerita Karun. Karun ini kalau tidak silap saya ialah kaum Nabi Musa. Tetapi oleh kerana dia hendak terlampau untung, dia sanggup bersubahat dengan Firaun sehingga anak kuncinya berkarun-karun, dia terlampau mengambil harta dan bersahabat dengan kaum Firaun. Akhirnya kaumnya sendiri benci dengannya dan kaum Firaun pun bakar dia di tengah-tengah kepala batas. Jadi, saya takut ada di antara manusia kita yang hendak cari keuntungan, dia sanggup merusakkan negaranya sendiri, harus dia bersahabat dengan orang-orang yang hendak masuk ke negara kita.

Sebagaimana saya kata dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ulang sekali lagi, pencuri tidak akan dapat masuk ke sesebuah kampung itu, kalau tidak ada pencuri dalam kampung itu juga sebagai hantu. Dengan sebab itu, saya berharap pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, pihak Kerajaan hendaklah menyiasat kalaulah ada orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang membawa pelarian daripada Vietnam secara haram ini masuk ke negara kita, patutlah dihukum dan sebagainya. Kata rakyat hukumlah siapa pun, asalkan dengan hukuman itu akan membawa kebaikan, rakyat akan bersetuju. Masa Jepun dahulu pun rakyat masih memuji sehingga hari ini;

yang mereka takut pemerintahan Jepun ialah atas dua perkara sahaja; harga kain mahal; wang tidak ada harga; tentang pemerintahan secara kejam, banyak rakyat yang memuji Jepun. Rumah kita kalau dibuka pada bila-bila masa pun tidak ada pencuri yang masuk, kalau boleh kita contohlah benda yang baik walau daripada siapapun, yang tidak baik itu kita tinggalkan. Kalau yang membawa kebaikan kepada ekonomi kita jadikan sebagai contoh; yang baik membawa keselamatan, kita ikut walau daripada mana negara sekalipun.

Sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini dan berharap dengan adanya Rang Undang-undang ini yang ditulis di atas ini sebagai No. 1/79 yang bermakna Undang-undang yang paling terawal sekali bagi tahun 1979. Saya berharap Rang Undang-undang ini akan membawa kebaikan dan keamanan kepada negara, orang yang zalim patut dihukum dan orang yang tidak zalim patut mendapat balasan yang setimpal dengannya.

5.56 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain daripada Barisan Nasional menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang sebentar tadi.

Pada mulanya saya tidak hendak bangun, sebab perkara ini sekurang-kurangnya kalau Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti Pembangkang DAP dan PAS mengetahui ABC politik, sudah cukup memahami mengapa perkara ini dibawa dalam Parlimen, dan mengapa perkara ini patut dijadikan Undang-undang.

Satu lagi saya amat berasa kesal dan saya merasa perlu, kerana Dewan yang mulia ini telah dikelirukan oleh parti-parti pembangkang, khususnya Ahli PAS dari Baling yang telah menggunakan dan mengemukakan beberapa ayat-ayat suci Al-Quran yang sepatutnya ayat-ayat suci Al-Quran ini tidak boleh disalahgunakan. Tidak hairan kepada kita kalau dalam masa di luar Dewan ini dalam kempen-kempen pilihanraya mereka sanggup menjual ayat suci Quran sebagaimana firman Tuhan: 'membeli ayat Quran dengan harga murah' atau untuk kepentingan mereka. Jadi justeru itu, Tuan

Yang di-Pertua, oleh kerana Dewan ini telah dikelirukan dengan menuduh Kerajaan Barisan Nasional dictator, menyalahgunakan kuasa tetapi lupakah mereka bahawa kuasa itu telah diberi kepada kita oleh rakyat, oleh segolongan terbesar rakyat dalam tiap-tiap kali pilihanraya. Kalau kita tidak menggunakan kuasa itu, mereka akan menuduh yang kita tidak mengerti menggunakan kuasa tetapi kalau kita menggunakan kuasa yang diberikan oleh rakyat kepada kita, mereka juga menuduh yang kita ini gilakan kuasa atau menyalahgunakan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hairan oleh kerana Rang Undang-undang yang akan diluluskan ini dan saya harap akan diluluskan hari ini dan akan dibawa ke Dewan Negara pada esok hari, seolah-olah mereka ini lupa bahawa dengan adanya Rang Undang-undang ini bukan sahaja menjaga keselamatan awam, keselamatan negara bahkan dengan undang-undang ini juga akan menjaga keselamatan diri Ahli Yang Berhormat dari PAS dan dari DAP itu sendiri daripada diganggu oleh kominis, subversive dan sebagainya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya saya jangka tentulah mereka akan sama-sama menyokong Rang Undang-undang ini, kerana Rang Undang ini menjaga keselamatan kita bersama, tetapi sebaliknya mereka menentang. Jadi seolah-olah kita dapat memahami mereka yang menentang Rang Undang-undang ini seolah-olah mereka suka bahawa di dalam negara kita di Malaysia ini berlaku pergaduhan, berlaku pembunuhan samada daripada askar-askar kita ataupun orang-orang awam, bagaimana Tugu Peringatan kita dibom, bagaimana kejadian-kejadian yang baharu-baharu ini di Balai Polis Beranang dan sebagainya, agaknya mereka ini suka dengan kejadian-kejadian yang seumpama ini. Saya tidak berani menyatakan atau menuduh mereka sukakan perkara ini tetapi daripada kenyataan Ahli-ahli Yang Berhormat itu tadi menentang Rang Undang-undang ini, menggambarkan yang mereka suka kejadian-kejadian yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, ayat-ayat Quran yang dibawa oleh Wakil dari Baling tadi sebenarnya Tuhan menurunkan ayat suci Al-Quran tidak

bercanggah di antara satu ayat dengan satu ayat yang lain, tetapi malangnya bagaimana juga orang-orang Yahudi di Zaman dahulu mereka hanya memilih ayat-ayat injil yang sesuai dengan selernya dijadikan alat, begitu juga orang-orang Kristian. Sedangkan seolah-olah mereka tidak ingat atau sengaja melupakan di antara beberapa ayat dan suruhan Allah subhanahu wataala sendiri yang mana ertinya, minta izin membacakannya dalam bahasa Arab: Innallaha layughai-yuruma bi-qaumin hatta hughai-yiruma bi-anfusihim. Ertinya, Tuhan tidak sekali-kali mengubah nasib sesuatu bangsa atau kaum kecuali bangsa itu sendiri yang mesti mengubah nasibnya. Maka hari ini kita sudah bergerak untuk mengubah nasib kita dengan mengadakan peraturan-peraturan yang tertentu menjaga kepentingan awam, kepentingan diri kita, kepentingan harta benda kita, ini yang dikehendaki. Kalau selama ini Pembangkang khususnya dari PAS mereka hanya menggunakan ayat-ayat Al-Quran ini, mereka hanya menggembar-gembar kepada rakyat yang mereka akan menjadikan "Balatun-tayyiba wa-rabbun ghafur" tetapi sebenarnya kita daripada Barisan Nasional sudahpun mempraktikkan amalan ini, sudahpun mengamalkan ajaran Tuhan ini tanpa disedari atau tidak oleh pihak PAS. Mereka hanya pandai bercakap tetapi kita sudahpun praktikkan ajaran Tuhan ini, kita bermesyuarah di sini. Rasulullah Sallallah alaiwassalam bersabda: Wasyawirhum fil amri. Kita bermesyuarah, kita berpakat di sini, kita berbincang bertukar-tukar fikiran dan mengambil keputusan serta meluluskan Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua: Itu hadis atau firman, Yang Berhormat?

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Hadis.

Tuan Yang di-Pertua: Firman.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Wasyawirhum fil amri—itu ayat Al-Quran.

Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah kalau pihak dari Baling tadi membawa cerita-cerita Musang Berjanggut dan sebagainya bagi menguatkan hujahnya, saya rasa ini kalau kita kembali kepada asal usul manusia sendiri yang Allah Subhanahu wa taala telah memilih, telah meminta kepada Malaikat yang mana Tuhan akan menjadikan Khalifah

di atas muka bumi itu tetapi belum tahu siapa yang hendak dijadikan khalifah. Lantas Malaikat sendiri mengatakan "Ya Allah, adakah engkau hendak jadikan Adam itu Khalifah di muka bumi yang suka menumpahkah darah?" Sebab itu termasuk dalam golongan Iblis Aba-wastakbara. Iblis tidak mahu sujud kepada Adam, sebab mengapa Iblis tidak mahu sujud kepada Adam, ialah dengan kata-katanya bagaimana Firman Tuhan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua: Ana-khairun minhum khalaktahu min turabin wa-khalaktani min-nar. Iblis takbur "Engkau jadikan dia daripada tanah, engkau jadikan aku daripada api, maka engkau suruh api menyembah kepada tanah". Jadi kiasan ini, Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah parti Pembangkang hari ini, seolah-olah PAS mereka mahu kita tunduk kepada fikirannya, tunduk kepada pandangannya yang begitu cetek, yang begitu singkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya menyokong penuh Rang Undang-undang ini bukan sahaja bagi menjaga keselamatan awam bahkan negara kita yang sedang membangun yang mana kita telah mengalu-alukan kedatangan pelabur-pelabur asing untuk melaburkan wangnya ke negara kita ini, maka keselamatan mereka perlu dijaga. Saya yakin dan percaya dengan kelulusan Rang Undang-undang ini akan menggalakkan lagi pelabur-pelabur asing melabur di negara kita ini sebab mereka terjamin dan hartanya terjamin dan modalnya terjamin, kerana kita akan menghukum siapa sahaja yang melanggar Undang-undang, siapa sahaja yang melakukan kesalahan dan siapa sahaja yang membuat dosa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih.

6.06 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Putih): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 ini, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana telah menyedari tentang kelonggaran-kelonggaran yang ada di dalam Perlembagaan dan Undang-undang kita, supaya Undang-undang

itu dapat diperkemas dan diperlengkapkan lagi demi untuk keselamatan dan ketenteraman serta kepentingan negara ini.

Yang lebih penting lagi ialah supaya Undang-undang itu tidak dapat dipermainkan oleh golongan yang pandai bercakap dan golongan yang pandai mengkritik juga golongan yang pandai memainkan kata-kata tanpa mempunyai tanggungjawab yang khusus terhadap negara ini terutama golongan Pembangkang baik DAP mahupun PAS.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian ucapan wakil dari Baling yang begitu lantang, begitu lancang menuduh Kerajaan itu dan ini tetapi PAS melupai bahawa semasa Rang Undang-undang Darurat itu diluluskan dan juga perbincangan pada pindaannya pada tahun 1975 bahawa PAS berada di dalam Barisan Nasional. Mengapa pada masa itu PAS tidak menyuarakan soal ini dan tidak menentang soal ini, tetapi sekarang kawan kita yang baru berumur 2 hari di dalam Parlimen ini telahpun menyuarakan suara yang lain suara yang sumbang dan begitu lantang. Dan kawan kita dari Baling itu juga cuba menuduh bahawa wakil PAS yang lepas itu adalah 'pak sanggup'. Jadi itulah kalau sekiranya kita bercakap terlampau banyak, kalau hendak bercakap sahaja dan juga menuduh itu dan ini, maka akhirnya kena kepada batang hidung kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kezaliman ini kalau kita mengkaji sejarah, juga kalau kita menyentuh soal DAP yang belum lagi memerintah negeri, tetapi PAS telahpun memerintah negeri Kelantan. Oleh kerana saya ini daripada Kelantan dan juga mungkin ada Menteri Besar yang semasa itu menjadi Menteri Besar di Kelantan telahpun tahu bagaimana zalimnya dan bagaimana tidak demokrasinya dan bagaimana tidak sah dan betulnya aturan yang dijalankan di Kelantan demi untuk kepentingan parti mereka iaitu PAS.

Jadi selama 20 tahun PAS memerintah di Kelantan apabila kita memerhatikan keadaan pemerintahan di Kelantan itu banyak perkara-perkara yang tidak betul dan banyak perkara-perkara yang tidak sah dijalankan. Misalnya bagaimana cara ia hendak membuang Menteri Besarnya, menggunakan kuasa diktator, menggunakan satu penekanan, dan bagaimana hendak membuang seorang ahli

PAS dengan mengadakan mesyuaratnya dan salah teknikinya, dengan tujuan hendak membuangnya. Dan bagaimana ia memilih pemimpinnya. Dalam satu pemilihan itu, kalau pucuk pimpinan berkehendakkan A menjadi pemimpin, tetapi dalam mesyuarat ahlinya memilih B, maka pihak pucuk pimpinan ini akan masuk campur, mesti memilih A juga menjadi pemimpin. Ini berlaku di mana-mana di dalam daerah-daerah, termasuk Daerah Pasir Puteh. Inilah bagaimana pergerakan PAS di dalam parti politiknya sendiri tidak mempunyai demokrasi dan tidak mempunyai apa-apa peraturan atau undang-undang yang sah yang boleh dijadikan panduan, cuma sebagai burung nuri yang pandai bercakap di sini dan hendak menyuarakan perkara yang hanya untuk menyedapkan telinga mendengarnya sahaja.

Selain daripada itu, pihak PAS ini juga nampaknya menyokong Undang-undang kita ini dirujuk kepada British, iaitu Privy Council. Nasib baik beliau tidak minta supaya Undang-undang kita dirujuk kepada negeri Arab. Kita hendak membatalkan Undang-undang dan keputusan rayuan ini daripada dirujuk kepada British tetapi dibuat oleh negeri kita sendiri. Apa guna kita membuat rayuan kepada negara asing yang tidak tahu soal negara kita, yang tidak tahu soal politik kita, yang tidak tahu soal kepentingan rakyat kita di sini. Kalau begitu rupa keadaannya pemimpin PAS ini berpendirian tidak tegas, kerana satu pihak hendak menegakkan Undang-undang Islam, satu pihak dan keadaan lain pula hendak menerima Privy Council yang Undang-undangnya sudah tentu berdasar perundangan British yang pihak kita tidak mahu pakai. Kerajaan Barisan Nasional tidak mahu terima rayuan itu dibuat kepada Hakim British tetapi Ahli dari Baling iaitu pihak PAS barangkali hendak pakai perkara itu. Oleh itu, saya rasa kalau kita hendak bercakap untuk menyedapkan mulut maka banyak perkara-perkara lain yang boleh dicakapkan.

Sebelum saya bercakap menyentuh pertanyaan wakil dari Petaling, maka di dalam menyokong Rang Undang-undang ini kita hendaklah faham bahawa hak Undang-undang ini dan juga Undang-undang yang diciptakan itu demi untuk kepentingan negara, khasnya keselamatan dan ketenteraman negara. Tidak satu pun undang-undang yang dibuat oleh mana-mana negeri

untuk menghancurkan dan membahayakan rakyat dan juga untuk tidak mententeramkan rakyat. Oleh itu, kita tidak mahu mempersoalkan hak Undang-undang ini semata-mata dari segi teori undang-undang (legal theory) yang peguamnya mempunyai tanggungjawab dan kewajipan terhadap pelanggannya sahaja tetapi kita mempersoalkan hak Undang-undang ini dari segi tanggungjawab dan kewajipan mentadbir negara ini serta untuk mencapai beberapa matlamat, demi untuk keselamatan, ketenteraman dan juga kesejahteraan dan pembangunan dalam negeri ini, khasnya keadilan dan keluhuran Perlembagaan dari segi undang-undang; daripada kaca mata Kerajaan kita sendiri, dari segi kaca mata negeri ini, dari segi rakyat dan juga dari segi tempatan kita. Kita tidak mahu menjalankan keluhuran undang-undang dari segi kaca mata orang lain, kaca mata orang yang jauh daripada tempat kita. Inilah perkara-perkara kedaulatan undang-undang yang kita hendak jalankan dalam negara ini.

Sebenarnya untuk membuat Undang-undang ini ialah bukan hak peguam untuk mempersoalkan Undang-undang ini kerana mereka mempunyai kewajipan kepada pelanggan mereka sahaja tetapi pihak Kerajaan dan juga Parlimen ini sebagai Badan Perundangan yang agung yang membuat dan meluluskan Undang-undang ini dan juga demi untuk kepentingan rakyat dan kepentingan awam yang kita tidak semata-mata memperhitungkan kepada perundangan sahaja tetapi kepada keadaan yang ada di tempat kita, juga dari segi politik yang ada, dari segi kehendak-kehendak rakyat di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu untuk menegakkan Undang-undang dan keadilan kepada rakyat serta keluhuran Undang-undang dalam negara kita ini Mahkamah Rayuan Persekutuan sudah cukup untuk menentukan keadilan negara kita, keadilan kepada rakyat kerana manusia yang terlibat di dalam kesalahan atau manusia yang tidak berpuas hati di dalam sesuatu perkara yang dijatuhkan kepadanya itu tidak akan berpuas hati walaupun kita ada beberapa Mahkamah Rayuan lagi bagi memberi keputusan kepada mereka yang terlibat. Apa yang penting kepada kita ialah reality yang ada dalam negara ini perlu dipertimbangkan untuk menentukan keadilan bagi negara kita.

Sebagai menyokong Undang-undang Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 ini saya akan menjawab beberapa perkara daripada wakil Petaling yang saya rasa tidak begitu sedap mendengarnya kerana selain daripada mereka menuduhkan yang Kerajaan kita ini mempunyai Kerajaan diktator atau Kerajaan yang tidak sah dan menjalankan Undang-undang yang tidak sah dan tidak berperlembagaan. Nampaknya pihak DAP ini selalunya menuduh kepada kita, pihak Kerajaan, kerana apa yang dituduh itu mereka sendiri tidak pernah berpeluang melakukan. Dengan sebab itulah mereka lebih suka jika Undang-undang Darurat ini dimansuhkan, dan dengan ini saya rasa mudahlah pihak Pembangkang DAP ini mengeksploitasikan keadaan itu untuk mengganggu ketenteraman negara dengan menggunakan isu-isu yang boleh mengganggu keselamatan negara dan juga kesenangan sebagaimana yang dialami oleh rakyat kita sekarang ini.

Selain daripada itu, pihak DAP ini juga oleh kerana mereka ini tidak pernah mempunyai tanggungjawab untuk mentadbir negeri ini maka mereka ini mudah untuk menyebut sesuatu dan mereka ini saya anggapkan sebagai pandai bercakap juga tetapi tidak tahu membuat dan tidak akan boleh membuatnya, kerana rakyat tidak memberi kepercayaan kepada mereka. Sekiranya mereka boleh buat sesuatu saya rasa sudah tentu rakyat akan memberi kepercayaan kepada mereka. Oleh kerana mereka ini pandai bercakap sahaja maka sebab itulah rakyat tidak memberi kepercayaan kepada mereka. Misalnya, DAP pernah di bawah lambang 'Roket'nya akan memperjuangkan kesucian Undang-undang, tetapi kita sendiri dapat menyaksikan bagaimana sombong dan megahnya DAP, dalam tahun 1969 menyebabkan trajidi 13 Mei berlaku dan bagaimana sombongnya golongan ini apabila terbayang hendak mentadbirkan negeri, mereka berarak sana, berarak sini sehingga mencetuskan peristiwa tidak diingini. Itu baru hendak mentadbir sebuah negeri Selangor pada masa itu. Inilah satu contoh bagaimana kalau mereka ini diberi tugas untuk mentadbir sebuah negara, saya rasa habis Undang-undang kita ini dirombak dan dijalankan Undang-undangnya sendiri yang sudah tentu pihak rakyat di sini tidak akan menerima apa yang dilakukan oleh pihak DAP itu.

Oleh itu sekali lagi saya menyokong Undang-undang ini dan saya ucapkan ber-banyak-banyak terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

6.17 ptg.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ber-banyak-banyak terima kasih kerana diberi kesempatan kepada saya menyokong Undang-undang ini dan ulasan saya ini tidaklah bermaksud hendak mengulang balik analisa yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang pada waktu tadi tetapi nyata bahawa perbezaan di antara tahun 1975 dengan tahun 1978 berkenaan dengan dari hal kes-kes yang ditangkap, kemudian dibawa ke mahkamah nampak turun sebab adanya Undang-undang ini.

Bagi pihak Polis, dan pihak yang menjaga keselamatan berasa khuatir kalau sekiranya Undang-undang ini tidak dapat dijalankan, tidak dapat diteruskan maka penjenayah dan bakal-bakal penjenayah nanti akan berasa bahawa kalau Kerajaan berdolok-dalik, iaitu tidak serius.

Saya boleh katakan angka tadi, iaitu pada tahun 1975 kita mempunyai kes 809. Pada tahun 1977 kes bank, umpamanya merompak bank sahaja ada 3-4, pada tahun 1978 satu pun tak ada kes merompak bank menggunakan senjata. Jadi saya mengucapkan syabas kepada Polis. Saya ingat sangat pada tahun 1974, 1975 dan 1976 pihak Kementerian dan pihak Polis kena hentam oleh Ahli Dewan kita yang mulia ini daripada pihak Pembangkang.

Sekarang dia juga yang mengatakan tidak payah lagi kita mengadakan Undang-undang ini. Dan ada yang mengatakan sepatutnya Kerajaan meminta maaf kepada orang yang sudah ditangkap. Apa yang kita tahu undang-undangnya tidak salah, hanya peraturannya sahaja yang salah, yang kita hendak betulkan hari ini. Ada pula mengatakan bahawa kita minta maaf kepada mereka, kononnya. Yang sebenarnya yang patut meminta maaf mereka yang membangkang Undang-undang ini (*Tepuk*) kepada balu-balu yang mati dan kepada anak-anak yatim yang menjadi mangsa senjata-senjata yang digunakan oleh

penjahat-penjahat. Itu saya rasa kedudukannya dan saya hendak bertanya kepada DAP, dia lari daripada Dewan ini pada waktu kita membincangkan satu perkara yang begitu penting. Sepatutnya inilah waktunya DAP itu menunjukkan kejantannya, tetapi sebaliknya dia menunjukkan kekecutan apabila berhadapan dengan kenyataan. Kalau betul-betul dia mengatakan macam dia kata tadi, dia menegakkan demokrasi, maka di dalam semangat demokrasi dia patut ada di sini memandangkan muka saya bercakap di sini.

Dengan sebab itu, saya berharap oleh kerana moral pihak pasukan keselamatan dan pihak polis yang kita mesti jaga, saya minta sangat sokongan daripada Dewan ini terhadap Rang Undang-undang ini.

6.22 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang ini dan di atas keizinan Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih. Saya tidak hendak bercakap panjang dalam masalah ini, kerana boleh dikatakan banyak sahabat-sahabat kita dalam Dewan ini telah bercakap banyak sekali dan telah mengambil masa panjang menyentuh Rang Undang-undang ini dan Perlembagaan Malaysia dan juga Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri.

Harus kita ingat bahawa dalam dunia demokrasi, pihak Pembangkang boleh bercakap apa sahaja yang mereka suka, dan ini adalah hak mereka. Tetapi kita Ahli-ahli bagi pihak Kerajaan mempunyai tanggungjawab kita sendiri terhadap negara, terhadap rakyat, terhadap harta-benda rakyat, terhadap nyawa rakyat itu sendiri dan terhadap keseluruhan pertahanan negara. Ini adalah satu perkara yang amat penting dalam sesebuah negara demokrasi.

Saya suka menyentuh apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling yang telah menyentuh beberapa ayat quran di dalam Dewan yang mulia ini dan sukalah saya mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa dalam Perlembagaan sendiri di bawah Perkara 3 (1) menyatakan: (*Dengan izin*) Islam is the religion of the Federation—Ugama Islam ialah ugama bagi

Persekutuan. Ini sesuai dengan kehendak dan maksud Hadith Nabi yang mengatakan bahawa Islam itu tinggi dan tidak ada sesuatu yang lebih tinggi daripadanya. Jadi ini Kerajaan telah melaksanakan hasrat dan spirit Hadith itu sendiri. Dan ada satu lagi ayat Al-Quran yang mengatakan: *Liyuzhiraru 'ala-dini kullihi* (Supaya Nabi Muhammad s.a.w. melahirkan Islam itu mengatasi ugama-ugama lain). Ertinya, menegakkan Islam itu atas segala-galanya. Apa yang saya hendak bangkitkan di sini tidak banyak, saya terpaksa bercakap di sini, kerana Ahli Yang Berhormat dari Baling menuduh Kerajaan ini Kerajaan yang tak bertanggungjawab dan Kerajaan ini adalah Kerajaan yang zalim, iaitu sebuah Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kerajaan ini menghukum dengan sesuatu undang-undang yang tidak sah.

Saya menyentuh soal ini adalah satu soal atau satu perkara atau satu tuduhan yang amat sangat saya kesalkan apa lagi sebagai anggota dalam Kabinet Kerajaan Barisan Nasional bahawa apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu menikam balik kepada dirinya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Perlembagaan telah mengakui bahawa Islam itu ugama Persekutuan, ertinya Islam dibina oleh Al-Quran, bukan dari mana-mana kitab. Al-Quran dicipta oleh Allah, walaupun tidak dikatakan dalam Perlembagaan, dari segi semangat boleh kita mengistinbadkan daripada maksud Ugama Rasmi Persekutuan, bahawa satu ayat yang menerangkan: *Fahkum bainan-nasa bil-haq*. Ertinya, Hukumkan oleh kamu di antara manusia itu dengan yang sebenar, dengan yang haq. Selagi undang-undang itu, undang-undang negara kita, sejajar dan sekehendak, senafsu dengan Al-Quran itu sendiri, kita boleh menghukumkan manusia dengan undang-undang yang kita buat dalam Parlimen ini.

Kita harus mengetahui bahawa Rang Undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang ialah hendak mengesahkan supaya dengan Rang Undang-undang ini mahkamah boleh menghukum ke atas penjenayah-penjenayah yang telah melakukan pembunuhan yang kejam sekali di dalam negara kita ini dan sekiranya kita tidak melakukan hukuman ke atas penjenayah-penjenayah itu, itu pada pandangan agama adalah satu kezaliman yang

besar kerana bagaimana yang telah ternyata di dalam Al-Quran itu sendiri. Firman Tuhan dalam surah 5 ayat 32, Man-qatala nafsan bighairi nafsin au-Fasadan fil-ardhi faka annama katalanasa jamia. Maksudnya, bila ada orang-orang yang membunuh seseorang bukan kerana orang itu membunuh seorang lain atau membuat kerosakan atas bumi seperti merampas, merompak bank seperti yang dikatakan oleh Menteri Dalam Negeri tadi maka pembunuh itu seolah-olah membunuh manusia seluruhnya, mulai daripada Nabi Adam (a.i.) sampailah hari kiamat wujud dosa orang yang membunuh manusia itu. Itulah sebagaimana yang dikatakan oleh Tuhan. Jadi kalau kita hendak mengesahkan Undang-undang ini untuk diberi peluang kepada Mahkamah menghukum orang-orang yang membunuh manusia dengan begitu kejam bagaimana pula Ahli Yang Berhormat itu memperjuangkan Islam, memperjuangkan Al-Quran berlawanan dengan ayat ini? Kontradik dengan ayat ini.

Dan juga satu ayat lagi—"Walakum fil qisasi hayatum ya ulil albab". Bagi kamu (kata Tuhan), hei manusia, "Fil qisasi hayatum"—dalam menjalankan hukum-hukum qisas atau hukum balas, orang bunuh kita bunuh dia balik, "hayatum"—adalah satu perbuatan yang hidup yang boleh memberi ketakutan kepada masyarakat. "Ya ulil albab"—wahai orang-orang yang boleh berfikir—kesemua orang yang boleh berfikir di dalam Parlimen ini "laalakum tatakun"—supaya kamu takut kepada Allah (s.w.t.)

Ayat inilah yang menentang dia balik, menentang Parti PAS itu sendiri, menentang perjuangan PAS itu sendiri, kerana kita pada hari ini membincangkan persoalan hendak menghukum orang-orang yang zalim yang membunuh manusia, sepertimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tadi bagaimana ahli-ahli Pembangkang tidak mahu bertanggungjawab kepada anak-anak yatim yang tertinggal, yang ibu-bapanya dibunuh oleh anasir-anasir anti-nasional.

Itulah sahaja yang saya hendak cakapkan Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap?

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

6.31 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang Darurat 1979.

Kita tahu akibat daripada peristiwa berdarah yang berlaku pada 13hb. Mei, 1969 dahulu hasil daripada angkara perbuatan bongkak parti DAP yang menyebabkan timbulnya Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1969 dan Parlimen digantung selama 21 bulan. Justru kerana ini maka berbagai ordinan telah dilulus dan dikuatkuasakan. Ordinan ini dikuatkuasakan hanya semata-mata untuk memulihkan suasana yang keruh dan tegang pada masa itu.

Setelah keadaan pulih semula dan ketenteraman dapat dikawal maka Penggal Pertama Parlimen Ketiga pun mula bersidang pada 20hb. Februari, 1971.

Alhamdulillah, dari pengalaman-pengalaman yang berlaku telah menjadi pengajaran kepada pemimpin-pemimpin kita bahawa kekejaman dan ketegangan mungkin boleh berlaku sekiranya ada anasir-anasir jahat mengambil kesempatan hasil daripada kemenangan pilihanrayanya. Berkat dan kesabaran Kerajaan Barisan Nasional keadaan berjalan dengan aman dan tenteram seperti sedia kala sehingga hari ini.

Adalah menjadi pengajaran kepada kita bahawa undang-undang darurat yang dikuatkuasakan pada waktu itu tidak dapat diterima oleh Majlis Privy sepertimana kes-kes rayuan yang telah ditolak, namun begitu undang-undang tetap undang-undang dan yang salah tetap bersalah. Hanya kesalahan teknik sahaja yang hendak diperbetulkan sekarang ini. Oleh kerana Parlimen adalah kuasa perundangan yang tertinggi maka sudah sewajarnya kuasa-kuasa perundangan ini disahkan oleh Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen juga telah meluluskan undang-undang bahawa kes rayuan tidak lagi dirojok kepada Majlis Privy. Kes rayuan yang dirojok kepada Majlis Privy

adalah kes-kes lama yang belum diputuskan untuk dijatuhkan hukuman.

Adalah benar bahawa di dalam sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat kuasa pemutus mestilah dibuat oleh Mahkamah Rayuan dalam negeri itu sendiri. Ini adalah satu amalan yang bijak dijalankan dan prinsip demokrasi berparlimen. Dalam pada itu bidang kuasa untuk mengulang kaji sesuatu kes itu hendaklah luas dan setara dengan bidang kuasa yang ada pada Majlis dengan bidang kuasa yang luas diberi kepada Mahkamah Persekutuan. Saya berpendapat bahawa sesuatu kes rayuan yang dihantar kepada Mahkamah Persekutuan seboleholehnya kalau dapat hendaklah dipercepatkan dan janganlah ianya terlalu lama dan hendaklah diputuskan sehingga kesalahan-kesalahan yang dibuat dalam sesuatu kes jenayah umpamanya memakan masa bertahun-tahun. Satu formula mestilah dicari bagaimana dapat diatasi bagi mempercepatkan kes-kes rayuan itu diputuskan dengan seberapa cepat yang boleh. Negara kita juga tidak kurang dengan hakim-hakim yang berpengalaman dan bijaksana. Oleh kerana pengalaman mereka adalah asset kepada negara, molek rasa saya service mereka itu diperlukan untuk membantu para hakim yang ada. Ini saya fikir dapat mengurangkan bebanan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Fasal (2) (2) (a) untuk menangkap membicara dan menghukum orang-orang yang melanggar peraturan dan menahan, menyingkir dan membuang negeri demi kepentingan keselamatan awam. Dalam keadaan sekarang di mana anasir-anasir subversif, anti-nasional dan juga orang-orang yang membawa masuk pendatang-pendatang haram secara bebas yang boleh disifatkan sebagai penderhaka kepada negara. Sepertimana siasatan yang dijalankan sekarang bahawa adanya rakyat negeri ini yang terlibat membawa mereka masuk ke Malaysia. Mereka ini kalau didapati bukti yang cukup bahawa ia melindungi pendatang-pendatang haram, saya berpendapat bahawa orang yang terlibat itu tanpa mengira siapa mereka, hendaklah diberi hukuman yang seberat-beratnya tanpa lengah lagi. Sekiranya kita tidak mengambil tindakan yang berani dan tegas, saya khuatir negara ini bukan menghadapi musuh-musuh dalam negeri bahkan juga penderhaka-penderhaka kepada negara yang suka mengambil

kesempatan atas apa juga untuk kepentingan diri sendiri.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 11 (2) berhubung dengan Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) tahun 1971. Terbayang kepada saya bagaimana satu kes yang berlaku di Pulau Pinang yang telah diputuskan oleh mahkamah untuk dihukum mati kerana memiliki senjatapi tetapi disebabkan oleh campur tangan orang-orang yang tertentu dari kalangan yang tertentu menyebabkan keputusan hukuman itu ditarik balik.

Saya berpendapat bahawa sekiranya satu-satu undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen dan Mahkamah telah menjatuhkan hukuman mati, maka hukuman itu hendaklah dijalankan dan dikuatkuasakan. Dengan cara ini barulah rakyat tidak rasa ragu-ragu akan perjalanan undang-undang yang bebas di negara ini tanpa disedari rakyat boleh menilai, meneliti dan memberi kesimpulan bahawa campur tangan oleh orang-orang tertentu mengenai satu-satu kes yang telah diputuskan oleh mahkamah boleh menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap kejujuran Kerajaan. Dalam menjalankan kuasa yang diberi kepada Mahkamah itu saya rasa hendaklah jangan diabaikan.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai undang-undang Rukun Tetangga yang menjadi pertikaian sekarang. Ada di antara pihak-pihak yang tertentu yang sangat sangsi atas kuatkuasa undang-undang tersebut samada ianya ada terkanun dalam peruntukan undang-undang.

Saya ingin menarik perhatian Kerajaan supaya perkara yang seumpama ini yang tujuannya adalah sangat baik untuk menjaga kawalan di tempat masing-masing dapat diperhatikan dengan sepenuhnya di seluruh negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah sahaja dan saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.40 ptg.

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dalam perbahasan ini dan saya mengambil kesempatan memberi serba sedikit jawapan ataupun penjelasan tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling menyatakan bahawa Kerajaan selalu meminda undang-undang kalau sekiranya kalah di dalam banyak perbicaraan di mahkamah. Maka saya sukalah menyatakan di sini bahawa tuduhan ini tidak betul. Kita sudah ada banyak kekalahan dialami di dalam perbicaraan-perbicaraan di mahkamah tetapi sebagaimana kita maklum juga, kita jarang sekali meminda undang-undang apabila telah mengalami satu-satu kekalahan dalam satu-satu perbicaraan di dalam mahkamah. Kerajaan hanya akan mengambil tindakan meminda satu-satu undang-undang jika sekiranya implikasi bersabit dengan keputusan di mana keputusan mahkamah itu melibati perkara-perkara penting, melibati keselamatan, melibati ketenteraman awam dan juga dengan tujuan kelemahan, malahan kesilapan undang-undang yang menyebabkan kita kalah dalam mahkamah itu perlu diperbaiki bagi kepentingan rakyat keseluruhannya.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling juga mengatakan tidak ada lagi keadaan darurat sebagaimana berlaku sebelum tahun 1971. Saya percaya ini dibuat kenyataan kerana Parti DAP menerusi Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang telah membuat tuntutan di mahkamah sebagaimana kita termaklum supaya Menteri-menteri Kabinet diperintahkan menasihati Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memansuhkan Pengisytiharan Kawasan Keselamatan.

Rasa saya tidak payah saya mengulang semula dengan panjang lebarnya sebab-sebab sebagaimana yang saya telah katakan tadi dalam mana saya berpendapat bahawa dalam pada kedudukan darurat adalah terkawal dengan kerana pengawasan yang rapi dijalankan oleh ahli-ahli Pasukan Keselamatan, terutama Polis.

Dalam pada itu kita mestilah mengingati bahawa keadaan darurat masih ada lagi di kalangan kita dan sebagaimana saya katakan tadi kalau kita lemah dalam perkara-perkara

pengawasan, lemah menjalankan undang-undang yang perlu dijalankan dengan tegasnya untuk mengatasi masalah-masalah darurat ini sudah tentu perkara darurat ini akan menjadi lebih buruk lagi daripada keadaan sekarang ini. Jadi, secara ringkasnya saya menyatakan sekali lagi di sini bahawa perlu kita bukan sahaja mengadakan terus Pengisytiharan Darurat, bahkan kita terus juga patut mengadakan Pengisytiharan Kawasan Keselamatan yang telah dicabar oleh DAP di mahkamah Pulau Pinang baru-baru ini.

Ahli Yang Berhormat juga mengatakan bahawa Bil ini akan bercanggah dengan Perkara 7 Perlembagaan yang menyatakan bahawa seseorang itu tidak boleh dihukum jika kesalahannya tidak melibati hukuman apabila kesalahan itu dilakukan.

Suka saya menyatakan di sini bahawa Privy Council tidak menyatakan bahawa tidak ada penalty terhadap tuduhan yang dibuat oleh Teh Cheng Poh. Keputusan Privy Council ialah dia telah dituduh dengan sahnya di bawah undang-undang yang ada di mana ada hukumannya, tetapi cara dia dibicarakan itu procedure yang digunakan di bawah Undang-undang Peraturan Keselamatan itu adalah tidak betul, tidak sah oleh kerana Privy Council berpendapat bahawa peraturan-peraturan yang dibuat daripada mana cara-cara perbicaraan itu dijalankan adalah tidak sah dari segi Perlembagaan.

Saya percaya juga hujah Ahli Yang Berhormat dari Petaling bahawa undang-undang ini bercanggah dengan Perkara 7 (2) Perlembagaan yang menyatakan bahawa seseorang yang telah dilepaskan ataupun dalam bahasa Inggeris legalnya acquitted, tidak boleh dibicarakan lagi di atas kesalahan yang sama, inipun tidak betul oleh kerana di dalam kes Teh Cheng Poh ini dia tidak di-acquit atau dibebaskan, cuma Privy Council berpendapat bahawa oleh kerana sebab-sebab yang saya sebutkan tadi perbicaraan Teh Cheng Poh ini didapati tidak sah oleh kerana bercanggah dengan Perlembagaan dan dia diarahkan dihantar semula ke Mahkamah Persekutuan yang akan menimbang sama ada dia itu dibicarakan sekali lagi ataupun tidak, dia tidak diakui.

Ahli Yang Berhormat dari Maran membangkitkan perkara yang dikatakan mungkin ada ramalan-ramalan daripada pihak-pihak

umum di luar yang kesalahan dari segi undang-undang, kesilapan kita dari segi undang-undang yang mungkin mewujudkan keadaan miscarriage of justice tidak menjadi ramalan di kalangan umum, suka saya menyatakan di sini bahawa perkara miscarriage of justice tidak timbul di dalam perkara ini.

Sebagaimana yang kita mungkin maklum, Teh Cheng Poh telah dibicarakan dengan kenyataan-kenyataan di mahkamah yang cukup yang diterima oleh Tuan Hakim dan dia telah diberi segala kesempatan menafikan kenyataan-kenyataan yang dibawa oleh Pendakwa. Jadi, sebagaimana juga saya katakan tadi our conscience is clear di sini oleh kerana kita puas hati bahawa pihak Teh Cheng Poh yang dituduh itu telah dibicarakan dengan seadil-adilnya.

Suka juga saya menyatakan di sini, selain daripada Teh Cheng Poh, kita ada 11 kes lagi dalam mana hukuman gantung telah dikenakan. Kalau mengikut undang-undang kita boleh gantung dia sekarang ini, kerana masa dia untuk merayu kepada Privy Council sudah habis, dia tidak merayu kepada Privy Council dan kalau mengikut undang-undang, kita berhak pada masa ini menjalankan hukuman yang telah dijatuhkan pada mereka iaitu digantung sampai mati, tetapi kita tidak mahu dianggap sebagai menjalankan perkara miscarriage of justice sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Maran tadi. Kita berpendapat morally kita perlu memberi kemudahan yang sama juga kepada 11 orang lagi sebagaimana yang telah diarahkan diberi kepada Teh Cheng Poh dalam Privy Council dan kita telah membuat peruntukan dalam undang-undang ini dalam mana Pendakwa Raya ataupun 11 orang ini boleh membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan supaya kes mereka itu didengarkan sekali lagi.

Suka saya menyatakan di sini juga, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menentang keputusan Privy Council sebagaimana yang telah dihujahkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Sebaliknya kita mematuhi segala pendapat, keputusan yang dibuat oleh Privy Council dan telah mengatitkan Rang Undang-undang ini selaras dengan keputusan dan pendapat yang dibuat oleh Privy Council.

Saya berasa dukacita juga, Ahli Yang Berhormat dari Baling menyatakan bahawa

Kerajaan menggunakan majoritinya dalam Dewan ini untuk memersetujui perbuatan zalim di kalangan Kerajaan.

Saya merasa hairan apakah perkara perbuatan zalim yang dilakukan oleh Kerajaan dalam perkara ini. Kalau saya tidak salah Undang-undang Peraturan Darurat ini telah dibuat pada masa ketua Parti Ahli Yang Berhormat itu menjadi ahli Jumaah Menteri (*Tepuk*). Kawan-kawan saya di sini mengesahkan bahawa pada masa peraturan ini dibuat, ketua parti Ahli Yang Berhormat itu masih di dalam Kabinet lagi dan dia terus dalam Kabinet apabila lain-lain peraturan itu bukan sahaja diluluskan bahkan dilaksanakan. Jadi bagi seseorang daripada parti itu mengatakan undang-undang ini zalim, perbuatan Kerajaan zalim adalah perkara yang sangat anih pada saya (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah sahaja ulasan saya dengan ringkas dan sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pendapat dan pandangan di dalam masa undang-undang ini dibahaskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 14 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.55 petang.